

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III Bil.57 Hari Rabu 29 Oktober 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (**Ruangan**)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998 (**Ruangan**)

USUL:

Anggaran Pembangunan 1998 (**Ruangan**)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titawangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

“ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

“ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

“ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

“ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)

“ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

“ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

“ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)

“ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)

“ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)

“ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)

“ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

“ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 29 Oktober 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

PENSWASTAAN - KESAN TERHADAP GOLONGAN BAWAH

1. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan sedar bahawa sistem penswastaan ada kesan negatif kepada ramai rakyat di golongan bawahan dan pertengahan, seperti terpaksa membayar tol dan elektrik yang tinggi; dan
- (b) apakah tindakan yang perlu diambil untuk mengatasinya, kerana ada kelihatan seolah-olah pihak swasta yang berkenaan terlalu sangat mementingkan keuntungan dan melupakan tanggungjawabnya kepada kepentingan rakyat sejagat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul

Aziz]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) adalah tidak benar jika penswastaan dikatakan membawa kesan negatif kepada ramai rakyat golongan bawahan dan pertengahan. Sebaliknya banyak projek penswastaan telah mencapai objektif meningkatkan kecekapan, dan dengan itu telah dapat membendung kenaikan bayaran kepada rakyat. Umpamanya penswastaan Lembaga Letrik Negara telah meningkatkan kecekapan dan mengurangkan gangguan bekalan. Dari tahun 1992 hingga 1996....*[Bekalan elektrik terputus]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Mana DAP!

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Gangguan bekalan yang tidak dirancang (unplanned supply interruption) telah dikurangkan sebanyak 33%,

sementara gangguan bekalan voltan rendah telah dapat dikurangkan sebanyak 50%.

Selain daripada itu, penglibatan penjana persendirian IPP pula telah meningkatkan keupayaan penjana elektrik dan harga yang diperolehi adalah semakin kompetitif. Kesemua ini akan membendung kenaikan kos dan akhirnya manfaat akan dinikmati oleh pengguna.

Melalui penswastaaan, pihak syarikat akan mengenakan caj berasaskan, dengan izin, full costing yang kemungkinannya lebih tinggi sedikit daripada caj sebelum ianya diswastakan. Keadaan ini adalah lebih adil kerana pengguna wajar bersedia untuk membayar perkhidmatan pada kadar caj yang munasabah bagi mendapatkan perkhidmatan yang bermutu dan cekap tanpa mengharapkan subsidi daripada pembayar cukai. Ini disebabkan keupayaan kewangan kerajaan adalah terhad untuk menyediakan perkhidmatan berkenaan yang memerlukan pelaburan yang besar, kecuali sekiranya rakyat bersedia membayar cukai yang tinggi. Malah kadar caj yang rendah semasa perkhidmatan disediakan oleh kerajaan adalah kerana subsidi yang tinggi yang disediakan oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan memastikan bahawa kadar caj yang dikenakan, khususnya kadar caj bagi industri yang bersifat monopoli semulajadi seperti perkhidmatan telekomunikasi dan elektrik kekal pada paras berpatutan dan tidak membebankan pengguna. Dalam hubungan ini, jika dibandingkan dengan negara jiran, kadar caj yang dikenakan di negara ini secara relatifnya adalah rendah daripada caj yang dikenakan di negara-negara tersebut.

Kerajaan berpendapat bahawa penswastaaan kemudahan awam seperti bekalan elektrik dan lebuhraya tidak akan menjejaskan golongan berpendapatan rendah. Ini adalah disebabkan kerajaan mempunyai mekanisme tertentu, iaitu melalui badan kawal selia yang bertanggungjawab bagi mengawal harga kemudahan awam yang diswastakan tersebut supaya berada di paras yang munasabah. Pihak syarikat berkaitan juga tidak boleh

menaikkan kadar caj sesuka hati, tetapi perlu mendapat kelulusan kerajaan terlebih dahulu. Bahkan dalam kes-kes tertentu sekiranya pengguna berpendapat caj yang dikenakan adalah tinggi, pengguna diberi pilihan untuk menggunakan kemudahan alternatif. Sebagai contoh, bagi lebuhraya, kerajaan memberi kebebasan kepada pengguna untuk memilih sama ada menggunakan lebuhraya yang dikenakan tol atau menggunakan jalan alternatif yang sedia ada.

- (b) Tanggapan bahawa perkhidmatan monopoli yang diswastakan cuma mementingkan keuntungan dan melupakan tanggungjawab sosial kepada rakyat jelata adalah tidak tepat. Penswastakan boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu perkhidmatan bukan monopoli dan perkhidmatan monopoli semulajadi. Bagi projek penswastakan yang tidak bersifat monopoli, caj perkhidmatan ini akan ditentukan oleh kuasa pasaran. Sementara itu, perkhidmatan yang bersifat monopoli pula, seperti perkhidmatan telekomunikasi, pembedung, lebuhraya dan bekalan air, kadar caj yang dikenakan adalah ditentukan oleh kerajaan dengan mengambil kira kepentingan semua pihak, termasuk pengguna serta keperluan pembangunan industri yang sihat.

Oleh itu, soal syarikat mengenakan caj yang tinggi tanpa mengambil kira kepentingan rakyat jelata tidak seharusnya berbangkit, kerana kadar yang dipersetujui oleh kerajaan adalah satu kadar yang munasabah dan mampu ditanggung oleh pengguna. Kekeliruan mengenai perkara ini seringkali timbul disebabkan kadar caj yang dikenakan telah dibandingkan dengan caj yang dikenakan semasa perkhidmatan berkenaan disediakan oleh kerajaan. Perbandingan ini adalah tidak sesuai dipakai kerana semasa perkhidmatan berkenaan dikendalikan oleh kerajaan, caj yang dikenakan tidak mengambil kira keseluruhan kos bagi menyediakan perkhidmatan berkenaan. Ini bermakna kerajaan menanggung subsidi dan menyerap sebahagian daripada kos yang terlibat dengan menggunakan hasil

cukai yang dipungut kerajaan. Dengan kata lain, semua pembayar cukai terpaksa menanggung subsidi kepada pengguna perkhidmatan berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu syarat dalam penswastaaan ialah pengusaha hendaklah terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Bagi Tenaga Nasional Berhad ia dikehendaki terus membekalkan kuasa elektrik luar bandar walaupun perkhidmatan ini tidak menguntungkan. Di samping itu, kerajaan juga telah menubuhkan Tabung Akaun Amanah Industri Elektrik yang mendapat sumbangan daripada Tenaga Nasional Berhad dan juga penjana persendirian. Tabung ini akan digunakan untuk membiayai projek bekalan elektrik luar bandar, penyelidikan dan projek yang akan memberi manfaat kepada industri elektrik secara keseluruhannya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memahami bahawa keseluruhannya penswastaaan itu adalah bertujuan untuk kebaikan dari segi sosio-ekonomi negara. Dalam segi praktiknya, apa yang berlaku sebagai contoh dalam penswastaaan tol oleh PLUS dan juga MAS dan sebagainya, IWK contohnya juga. Tidak boleh dinafikan bahawa ada kelemahan-kelemahan yang menyebabkan kadangkala kerajaan terikat oleh sebab kurangnya pengawasan dari segi kontrak dan sebagainya. Justeru itu, mengambil kira dan menyedari beberapa pengalaman yang tidak begitu menyenangkan rakyat dan kerajaan, syarikat swasta seperti tol PLUS, IWK dan sebagainya. Persoalan saya ialah dalam sesuatu kajian yang dibuat oleh kementerian yang berkenaan nanti kalau pun perlu dibuat sebagaimana yang berlaku dalam campur tangan Kabinet baru-baru ini dalam kes tol, persoalan saya adakah Yang Berhormat bersetuju supaya di antara lain-lain terma, syarat-syarat yang sewajarnya perlu satu peruntukan khas diwujudkan dalam sesuatu kontrak ataupun perjanjian yang perlu dikemaskinikan di peringkat awal di antara pihak-pihak yang terlibat di mana kerajaan harus diberi peranan penting sebagai badan pengawasan yang menyeluruh sejajar keperluan penetapan peraturan kerajaan sebagai garis panduan bagi memudahkan pelaksanaan dasar-dasar yang terlibat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, matlamat penswastaaan ialah untuk menambahkan kecekapan dan juga mengurangkan beban kerajaan. Jadi, itu merupakan matlamat yang umum di mana ia merupakan rasional untuk kita menswastakan sesuatu projek. Namun

demikian, kita tidak menafikan bahawa tidak semestinya penswastaaan itu akan menyelesaikan segala masalah. Saya ingat itu bukan merupakan pandangan kita. Sudah tentu apabila sesuatu projek itu diswastakan, maka sudah tentulah ia ada teething problemnya yang tidak boleh dilarikan, walaupun sama ada kerajaan mengendalikannya atau swasta mengendalikannya sudah tentu teething problem, dengan izin, sentiasa mesti ada.

Maka oleh yang demikian, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam semua penswastaaan khususnya bagi industri yang dimonopoli, kerajaan mempunyai, dengan izin, the last say, kata putus, sama ada sesuatu itu katalah sebagai contoh harga tol hendak dinaikkan ataupun tidak, ianya tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya, melainkan ia mendapat persetujuan daripada kerajaan. Jadi, sebab itu saya mengambil kira pandangan Yang Berhormat, namun saya ingin menyatakan di sini bahawa sebenarnya pada akhir kata putus adalah daripada kerajaan. Dan ia mengambil kira semua faktor sebelum mengambil keputusan sama ada untuk menolak permohonan kenaikan ataupun tidak, dan soalan-soalan lain juga.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk terus kepada penswastaaan, iaitu tol, salah satu projek swasta yang telah pun dilakukan oleh kerajaan. Baru-baru ini kerajaan telah pun menangguhkan untuk sementara bagi menimbang permohonan kenaikan tol oleh PLUS. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan salah satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pemegang konsesi ini ialah tanggungjawab sosial. Sebagai memenuhi tanggungjawab sosial PLUS kepada rakyat negara ini, terutama sekali mereka yang sering menggunakan perkhidmatan lebuhraya yang mengenakan tol, bolehkah pihak kerajaan berunding dengan pihak PLUS, dalam suasana keadaan ekonomi yang begitu tidak sihat sekarang ini supaya menangguhkan sahaja permintaan mereka untuk menaikkan kadar tol di semua lebuhraya yang dikendalikan oleh PLUS?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dari Machang, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam soal tol ini ia merupakan satu projek yang besar yang melibatkan pinjaman wang oleh syarikat ini daripada luar negara. Maka sudah tentulah kadangkala kalau berlaku apa-apa pertukaran wang asing di mana mata wang kita jatuh, sudah tentulah bayaran kepada pinjaman yang dibuat kepada luar negara itu bertambah. Kalau dahulu, dengan izin, X amaun, sekarang X plus 20% atau 25%, dengan izin. Jadi, sebab itu kita kena mengambil kira semua perkara.

Dalam hal ini juga, saya telah sebut sebentar tadi bahawa kalau sekiranya kita merasakan iaitu tol adalah terlalu tinggi, kerajaan telah menyediakan jalan alternatif yang boleh dilalui oleh kita. Kita membuat pilihan sama ada mahu menggunakan tol ataupun tidak. Memang tidak boleh dinafikan iaitu semenjak wujud highway PLUS ini kita telah mendapat banyak manfaat di mana kita dapat mengurangkan perjalanan kita dan kita menggunakan jalan yang baik, maka ini terpaksa kita bayar di atas segala kenaikan mutu yang kita lalui dalam highway ini.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa mengambil kira kepentingan semua pihak. Kita tidak mahu pula nanti kita terpaksa kerana kita mahu menaikkan tol ini, mungkin di atas desakan keperluan syarikat itu terpaksa kita menaikkan lagi pula. Kalau 30 tahun jadi 40 tahun, bertambah lagi. Oleh sebab itu, banyak faktor harus diambil kira oleh kita. Saya ingin menyatakan di sini bahawa kerajaan akan memikir yang terbaik sekali untuk semua pihak, iaitu pengguna dan juga mereka yang telah membina highway ini.

PENDATANG ASING - JUMLAH YANG BERKAHWIN DENGAN RAKYAT TEMPATAN

2. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan sudah banyak pendatang asing yang mendapat permit kerja di kilang-kilang kelapa sawit, dan pekerja balak di Sarawak:

- (a) berapakah jumlah mereka yang berkahwin dengan orang tempatan; dan
- (b) berapakah jumlah anak-anak mereka mendapat pendidikan rendah dan menengah, di Sarawak dan adakah kerajaan mengiktirafkan kepada ibu bapa mereka yang telah berkahwin dengan warganegara Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk bahagian,

- (a) Mengikut rekod Jabatan Pendaftaran Negara terdapat seramai 85 perkahwinan melibatkan warganegara asing bukan beragama Islam telah didaftar di negeri Sarawak bagi tempoh Januari hingga Ogos 1997. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan bilangan mereka ini yang terdiri daripada pekerja asing. Setakat ini Jabatan Imigresen Sarawak hanya

mengesan dua orang pekerja asing yang berkahwin dengan rakyat negeri Sarawak.

- (b) Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod mengenai anak-anak pekerja asing yang mendapat pendidikan rendah atau menengah di negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Januari hingga September 1997 terdapat seramai 197 orang warganegara asing yang telah dikeluarkan pas belajar di negeri Sarawak. Warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini tidak akan diiktiraf sebagai warganegara Malaysia dan hanya dibenarkan tinggal di negara ini menggunakan pas lawatan imigresen. Taraf mereka tetap sebagai pendatang asing dan dikehendaki pulang ke negara asal apabila tamat tempoh pas yang berkenaan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada banyak soalan, oleh kerana semalam ada seorang Ahli Yang Berhormat kata orang pendatang asing ini, dia mandi di tepi sungai, isterinya mandi di tepi sungai, [*sambil menunjukkan isyarat*] dia pakai macam ini sahaja. [*Ketawa*] Jadi, kereta berhenti. Dia pakai sampai di sini sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa hubungan kaitnya dengan soalan asal? [*Ketawa*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi, bila dia pakai macam itu, semua pemandu kereta tengok, maka accident berlaku. Jadi, banyaklah masalah. [*Ketawa*] Kemalangan pun berlaku, dan anak kalau kahwin pun jadi bukan warganegara Malaysia. Jadi, persoalan saya bukanlah soal pakai kain mendedahkan diri, soalan saya ialah soal anak. Apakah tanggungjawab kerajaan, soalnya kalau rakyat Malaysia berkahwin dibuat orang asing dan anak yang keluar itu nanti ialah anak orang asing. Persoalannya, perkahwinan berlaku di Malaysia. Saya percaya perkahwinan ini diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan dibuat secara rasmi di negara Malaysia. Adakah kerajaan bertanggungjawab untuk memberi penjelasan kepada warganegara Malaysia yang hendak kahwin dengan orang asing ini, kerana yang berbangkit dari perkahwinan itu anak mereka akan menjadi warganegara asing, kerana kalau dia tidak laporkan kepada embassy dia di sini, anak ini jadi stateless person. Jadi, tanggungjawab kita kepada setengah anak ini ialah warganegara Malaysia walaupun tidak boleh diiktirafkan. Jadi, soalan saya macam mana supaya anak-anak dan cucu-cucu Malaysia ini tidak menjadi manusia yang tidak stateless supaya ibu bapa yang

terlibat dengan persoalan ini mendapat penjelasan dan penerangan yang sepatutnya diberi supaya anak ini tidak menjadi satu masalah sosial kepada Malaysia dan kepada anak ini pada satu ketika nanti?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan ialah kita tidak menggalakkan pekerja asing untuk datang bekerja, tetapi dia datang sudah kahwin pula dengan orang kita. Kita tidak galakkan. Akan tetapi dalam keadaan-keadaan yang tertentu di mana mereka sudah kahwin, maka mereka perlulah tahu iaitu rakyat Malaysia sama ada ibu atau bapa itu adalah satu kewajipan bila mereka melahirkan anak, mereka kena daftar dan jangan daftar lewat, maka masih boleh tuntutan taraf warganegara. Kalau sekiranya kerajaan ambil inisiatif untuk terang, untuk galakkan bahawa kalau kahwin nanti anak itu akan automatik jadi warganegara, maka semua pekerja asing akan kahwin. Saya rasa itu bukan pendirian ataupun keutamaan kita.

Mengenai soalan awal tadi kata kalau pekerja asing mandi dedahkan badan, saya rasa ini bukan soal pekerja asing. Kalau orang kita pun dedah badan, accident pun jadi juga. *[Ketawa]* Jadi, bukan masalah pekerja asing.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab majikan kilang-kilang dan pekerja pembalok di ladang sawit Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung Malaysia ramai mengambil buruh asing bekerja dengan mereka, dan adakah benar bahawa upah gaji diberi oleh kilang-kilang dan ladang-ladang sawit di negara kita terlalu rendah di mana pekerja tempatan kita tidak minat bekerja dengan mereka.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dalam perladangan memang masih kekurangan buruh. Tetapi kerajaan tidak menggalakkan supaya kita ambil pekerja asing secara tidak mengikut undang-undang. Oleh sebab itu, kita kenakan levi, kenakan cagaran dan pelbagai bahawa kalau sekiranya majikan itu secara bandingan masih ingat ini adalah lebih mereka masih hendak ambil, kita tidak dapat berhentikan mereka. Tetapi pada masa kini dasar pengambilan ialah kita masih membekukan semua pengambilan sehingga satu masa untuk kerajaan mengkaji dengan lebih mendalam.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Selatan) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]

DANA PREMIS PERNIAGAAN BUMIPUTERA - CADANGAN PENUBUHAN

5. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan sebuah Dana Premis Perniagaan Bumiputera atau sesuatu yang seumpamanya yang melibatkan kerjasama dari pelbagai badan perniagaan bumiputera serta institusi kewangan bagi memastikan peruntukan premis perniagaan baru untuk bumiputera tidak dilupakan begitu sahaja kerana ketidakmampuan peniaga bumiputera perseorangan untuk membelinya dalam waktu terdekat.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan setakat ini belum bercadang untuk menubuhkan sebuah dana premis perniagaan bumiputera atau sesuatu yang seumpamanya yang melibatkan kerjasama dari pelbagai badan perniagaan bumiputera serta institusi kewangan. Sebaliknya, kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) sedang giat melaksanakan pelbagai pendekatan untuk membina dan membeli ruang-ruang kedai dan premis perniagaan terutamanya di kawasan-kawasan pertumbuhan baru untuk menempatkan usahawan bumiputera di pusat-pusat perdagangan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak kementerian akan mengenakan walaupun setengah-setengah bangunan itu kuota telah diperuntukkan kepada ruang-ruang niaga kepada bumiputera, tetapi kadangkala petak ataupun ruang niaga yang diberi kepada bumiputera itu tidak begitu strategik, tidak begitu baik. Jadi, kadang-kadang perniagaan tidak boleh mendatangkan keuntungan kerana tempat itu tidak bersesuaian. Sejajar dengan rancangan francais yang begitu giat sedang dijalankan oleh pihak kementerian, adakah pihak kementerian akan mengarahkan pemaju-pemaju ataupun syarikat-syarikat yang membina ruang-ruang niaga dan kedai-kedai supaya peruntukan yang diberi kepada bumiputera itu perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu dari pihak kementerian supaya ruang niaga yang diberi itu benar-benar akan dapat menjayakan seseorang itu dalam bidang perniagaan?

Tuan Idris bin Jusoh: Baru-baru ini pihak kementerian telah mengadakan dua perbincangan dengan pengusaha premis-premis perniagaan bersama dengan pengusaha-pengusaha bumiputera dan perkara ini telah diberi penekanan supaya lot-lot yang lebih strategik boleh dibekalkan kepada peniaga-peniaga bumiputera. Sebagai satu contoh, Kerajaan Negeri Perak pula telah menyediakan ruang-ruang

niaga bagi bidang perniagaan yang khusus dalam bentuk francais dan chain marketing yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menyanjung tinggi usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menambah bilangan kelas menengah bumiputera. Salah satu usaha yang dijalankan ialah dengan menyediakan ruang niaga kepada bumiputera dan menempatkan mereka baik di bazar mahu pun arked MARA dengan kadar sewa yang rendah. Namun demikian, minggu lepas peniaga-peniaga di bazar MARA antaranya di Mersing telah menerima arahan berpindah dari tempat perniagaan mereka dan arahan ini datangnya dari Ibu Pejabat MARA di Kuala Lumpur. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah rasional arahan ini, dan sekiranya mereka terpaksa juga berpindah akhirnya apakah bantuan yang pihak MARA boleh berikan?

Tuan Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat dari Mersing. Memang menjadi hasrat MARA untuk membimbing peniaga-peniaga bumiputera, dan cara untuk membimbing mereka ialah memberi mereka premis. Tetapi MARA tidak berharap supaya mereka tinggal dan beranak di premis tersebut. Sebab itulah MARA telah mengeluarkan surat supaya pengusaha-pengusaha yang telah tinggal di premis MARA lebih daripada 10 tahun sahaja, baru-baru ini telah dikeluarkan notis oleh MARA untuk meninggalkan premis-premis mereka supaya proses bimbingan itu boleh diberi kepada pengusaha-pengusaha baru yang lebih memerlukan.

KONTRAKTOR MEROSAKKAN KEMUDAHAN AWAM - TINDAKAN KERAJAAN

6. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:
- (a) bilangan kontraktor yang dikenakan denda kerana mengakibatkan masalah banjir dan merosakkan kabel dan tiang-tiang elektrik, air paip dan lain-lain kemudahan awam semasa menjalankan kerja-kerja mereka; dan
 - (b) selain daripada mengenakan denda, apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang enggan mengikut arahan dan terus menyusahkan orang ramai.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan nombor 18 yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan pada hari ini, kerana isu yang dibangkitkan adalah serupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini tidak mempunyai angka jumlah kontraktor yang disaman. Tindakan kementerian ini adalah bergantung kepada klausa-klausa di dalam kontrak yang ditandatangani di bawah kontrak. Kontraktor yang merosakkan utiliti akan diminta membuat bayaran ganti rugi atas kerosakan-kerosakan yang berlaku, dan kementerian ini melalui JKR berusaha memastikan supaya utiliti-utiliti tidak dirosakkan. Sekiranya berlaku kerosakan, JKR akan mengarahkan kontraktor terbabit supaya segera memperbaiki kerosakan tersebut. Jabatan Kerja Raya juga telah mengenakan syarat di dalam kontrak agar kontraktor membuat servis deduction dengan menggunakan deductor sebelum sebarang kerja pengorekan atau piling dijalankan di tapak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah mengatasi perkara ini di dalam kontrak kerajaan, beberapa syarat telah diperuntukkan di dalam perjanjian kontrak. Di antaranya, segala kerosakan harta awam dan public utilities yang dirosakkan oleh kontraktor hendaklah diperbaiki semula. Kontraktor mestilah mengambil insurans perlindungan ke atas harta awam. Di samping itu, kerajaan juga sedang mengkaji dan menimbang hukuman terhadap kontraktor yang merosakkan harta awam seperti mengenakan penalti denda yang tinggi kepada kontraktor yang terlibat, mengenakan bayaran ganti rugi terhadap kontraktor-kontraktor berkenaan kepada pihak-pihak yang mengalami kerugian kerosakan. Dengan hukuman yang lebih berat seperti yang dicadangkan itu, pihak kontrak dijangka akan lebih berhati-hati dan mengambil perhatian berat akan keselamatan harta-harta awam.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa ketika kementerian Yang Berhormat pernah mencadangkan bahawa service duct, dengan izin, dibina di bahu jalan supaya semua talian seperti paip dan kabel diletakkan dalam servis duct tersebut dan apabila kita menjalankan kerja tambahan atau kerja penyelenggaraan kita tidak perlu korek-mengorek lagi. Soalan saya ialah bila bentuk tersebut akan dimasukkan dalam segala pelan, jalan-jalan dan juga bila ia akan dikuatkuasakan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan service duct seperti apa dikatakan tadi sedang dibina di negeri Pulau Pinang sebagai satu percubaan untuk mendapat lebih pengalaman dalam pembinaan itu. Berkenaan dengan pembinaan service duct di lebuh raya, saya percaya kita tidak boleh mengadakan service duct di lebuh raya oleh kerana perkhidmatan-perkhidmatan itu untuk kegunaan sendiri sahaja. Selain daripada itu jalan raya-jalan raya yang sedia ada kita akan menimbang masa akan datang.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hemat saya memang banyak masalah berhubung kait dengan kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja gali-menggali atas jalan raya. Kadangkala kontraktor-kontraktor ini tidak meletakkan tanda-tanda isyarat untuk memberitahu pengguna jalan tentang kerja gali-menggali bila dilaksanakan khususnya pada waktu malam. Juga kerana kerja ini dilaksanakan berlaku banjir di kawasan itu. Jadi, saya ingin bertanya apa jenis mekanisme dan sama ada berkesan atau tidak yang ada pada pihak kerajaan untuk mengawal dan juga menyelaraskan semua kerja gali-menggali di peringkat daerah dan juga peringkat negeri dan juga peringkat kebangsaan supaya setiap kerja gali-menggali akan dikawal selia dengan baik dan sempurna sepanjang masa kerja itu dilaksanakan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, satu mekanisme sepatutnya boleh digunakan iaitu the scanning of the road dengan komputer untuk mendapat tahu berapakah perkhidmatan ada di bawah jalan itu. Selain daripada itu, jikalau kita mahu juga memasang paip atau apa-apa perkhidmatan yang lain lebih baik kita gunakan jentera-jentera baru di mana kita tidak payah buka jalan, tetapi boleh juga mengadakan kerja paip di bawah jalan tanpa apa-apa kerosakan kepada jalan. Tetapi ini akan mengambil harga yang tinggi, bukannya seperti memotong jalan dalam tempoh dua jam memasang paip dan tutup jalan itu, tidak payah tar pun, siapa jatuh dia mati, bukan kontraktor mati.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan saya. Soalan saya apa mekanisme, umpamanya jawatankuasa di peringkat daerah, di peringkat negeri untuk panggil kontraktor-kontraktor meeting dan sebagainya, apa mekanisme.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Di peringkat daerahkah?

Dato' Hon Choon Kim: Negeri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri kita sudah pun mengadakan satu jawatankuasa. Kontraktor-kontraktor telah dipanggil untuk memberitahu kepada mereka inilah syarat-syarat yang mereka mesti mengikut, tetapi mereka tidak mengikut, itulah masalahnya.

BANTUAN KERAJAAN KEPADA NEGARA-NEGARA REPUBLIK ASIA TENGAH - PULANGAN

7. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri menyatakan sejauh manakah bantuan kerajaan di negara-negara Republik Asia Tengah (CIS) seperti di Kazakhstan, Kyrgystan, Uzbekistan dan Turkemistan dan apakah pulangan yang Malaysia perolehi daripada bantuan yang disalurkan kepada kerajaan negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, bantuan Malaysia terhadap negara-negara Asia Tengah seperti Kazakhstan, Kyrgystan, Uzbekistan dan Turkmenistan adalah tertumpu kepada bantuan untuk membina satu ekonomi pasaran terbuka di negara-negara tersebut. Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia telah menghulur bantuan dalam corak latihan kepada pegawai-pegawai kanan dan yang berperingkat tinggi negara-negara ini dalam bidang penswastaaan, pengurusan, zon ekonomi bebas dan sebagainya di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia (MTCP).

Di samping itu, syarikat-syarikat Malaysia juga digalakkan mengadakan usahasama dengan pihak swasta negara-negara tersebut. Jadi, dalam hal ini lebih 50 usahasama telah wujud dengan nilainya menghampiri RM200 juta dalam bidang-bidang pembinaan, perhotelan, prasarana, perlombongan, sekolah perdagangan dan telekomunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, di Republik Kyrgys khususnya Malaysia telah membantu menyediakan satu kajian ekonomi terperinci negara tersebut dan juga potensi-potensinya. Jadi, pulangan yang diperolehi daripada kerjasama-kerjasama ini adalah di dalam bentuk jangka pendek dan jangka panjang. Malaysia telah pun dijemput oleh negara-negara ini untuk pelabur dan menjalankan aktiviti perdagangan dengan mereka. Jadi, kerjasama erat ini juga telah mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara Malaysia dengan negara-negara ini di forum-forum antarabangsa.

Datuk Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya bantuan kerajaan ke negara Republik Asia Tenggara ini sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi dapat kemudahan sedikit dari segi perniagaan ataupun kerjasama dengan syarikat-syarikat di negara-negara tersebut. Dan juga terdapat beberapa MoU telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat negara tersebut, dan juga dapat difahamkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia yang menandatangani MoU ini dengan syarikat-syarikat di negara tersebut tidak mematuhi matlamat ataupun the spirit an intenment of MoU itu. Persoalannya, sejauh manakah kegagalan ini telah menjejaskan nama baik negara Malaysia kita, dan adakah kementerian Yang Berhormat mempunyai cadangan kepada Kabinet supaya menyenaraihitamkan syarikat-syarikat yang terbabit?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu bahawa memang bila kita menandatangani MoU ini, itu adalah satu perjanjian untuk mengkaji dan menimbangkan usahasama atau projek-projek tertentu di antara kedua pihak, syarikat atau korporat itu, dan adakalanya kerjasama itu tidak dapat diteruskan kemungkinan ada syarat-syarat

yang tidak dapat ditunaikan oleh satu-satu pihak. Jadi, ini bukan menjadi satu masalah yang besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerana segelintir yang kecil sahaja yang tidak berjaya untuk meneruskan. Tetapi di negara Asia Tengah ini, kita telah berjaya dengan korporat-korporat yang khususnya dalam bidang perbankan atau banking dan juga dalam bidang perhotelan, persekolahan dan juga dalam bidang pendidikan telah diwujudkan kerjasama dan telah menjadi usahasama yang boleh dikatakan saya sebutkan tadi telah meningkat hingga ke RM200 juta. Jadi, masalah mengenai MoU yang tidak menghasilkan sesuatu agreement sesuatu joint venture itu adalah satu perkara yang tidak begitu besar dan tidak sekalipun mencemar nama negara kita. Pada masa kini, kegiatan-kegiatan kerjasama antara negara-negara Asia Tengah ini dengan Malaysia khususnya dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bulan Ogos yang lalu pun juga telah meningkatkan lagi kerjasama itu dan seterusnya mereka cukup yakin dengan cara-cara kita membangunkan ekonomi kita, dan khususnya lebih lagi kita adalah sebuah negara Islam yang mengamalkan pelbagai sistem yang telah membangun sebagai sebuah negara yang berjaya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat di kalangan kepimpinan negara berkenaan adalah bekas-bekas komunis yang masih lagi melakukan beberapa pencabulan terhadap hak asasi manusia, adakah kerajaan mengambil kira hal-hal yang seperti ini dalam mengadakan hubungan perdagangan dan sebagainya dengan negara-negara yang tersebut?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjelaskan di sini bahawa satu kenyataan yang menyeluruh menyatakan bahawa mereka ini semua bekas komunis adalah tidak betul. Memang benar negara ini adalah di bawah satu sistem sosialis atau komunis dahulu, tetapi kebanyakan kepada negara-negara yang tersebut dalam soalan ini adalah kebanyakan negara-negara Islam dan mereka ini adalah sekarang dengan sendirinya telah mendapatkan kemerdekaan semasa kejatuhan sosialisme ini. Ini perkara-perkara yang telah ditimbul oleh Yang Berhormat itu tidak timbul dalam perhubungan kita.

PENUBUHAN 'KOTA FILEM' ALA HOLLYWOOD - JUSTIFIKASI

8. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah justifikasi terhadap keperluan mewujudkan sebuah 'Kota Filem' ala Hollywood di negeri Pahang sebagaimana yang diura-urakan baru-baru ini.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengadakan Kota Filem ialah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur fizikal perfileman bertaraf antarabangsa secara bersepadu tertumpu di satu tempat. Antara kemudahan yang disediakan ialah pasca-produksi, studio penggambaran, facade, model-model bangunan dan perkampungan lama dan baru, institusi latihan perfileman, institusi kewangan bagi memudahkan urusan perdagangan perfileman dijalankan, kawasan kediaman dan lain-lain kemudahan yang disediakan. Justifikasi penyediaan Kota Filem ini antara lain ialah:

- (i) Permintaan terhadap kemudahan penggambaran dari Amerika dan Eropah semakin bertambah. Ini berikutan dari pertambahan pengeluaran filem yang menjangkau lebih 2,000 judul setahun. Kos sewaan dan kos tenaga kerja yang jauh lebih mudah di sini di samping tekanan kos faktor pengeluaran yang semakin meningkat di Barat menyebabkan meningkatnya permintaan terhadap kemudahan ini.
- (ii) Mempercepatkan pemindahan teknologi dalam bidang industri perfileman kerana Kota Filem ini akan menjadi pusat tumpuan pakar perfileman dari pengeluar utama dunia. Justeru itu, pekerja-pekerja filem tempatan akan dapat mempelajari ilmu perfileman secara praktikal dari pakar-pakar perfileman. Ini akan mempercepatkan lagi matlamat FINAS untuk meningkatkan lagi guna tenaga mahir di dalam industri perfileman Malaysia.
- (iii) Filem adalah salah satu daripada sektor ekonomi yang memberi sumbangan agak besar kepada ekonomi negara yang mana dianggarkan 'turnover' dari industri ini pada tahun ini dianggarkan RM2 bilion. Dengan adanya projek Kota Filem ini akan meningkatkan lagi angka ini.
- (iv) Pada awal abad ke-21 penduduk Asia dijangkakan meningkat sehingga meliputi dua pertiga daripada jumlah penduduk dunia. Kadar pemilikan televisyen juga dijangkakan meningkat dengan pesatnya. Ini bermakna peluang perluasan saiz pasaran terbuka luas dan hendaklah diambil perhatian segera. Tanpa tindakan segera negara-negara jiran, Malaysia yang juga mampu menawarkan kadar upah buruh yang kompetitif akan mengambil peluang untuk menjadi pusat perfileman bertaraf antarabangsa bagi rantau ini.

- (v) Penyediaan kemudahan secara sepadu akan menarik lebih ramai lagi pengguna kerana ia memudahkan pengguna dan memendekkan masa yang perlu diambil bagi menguruskan sesuatu urusan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pula justifikasi terhadap pemilihan negeri Pahang, dan yang keduanya ialah apakah jaminan bahawa Kota Filem ini tidak merumitkan lagi gejala sosial yang sedang meruncing sekarang ini?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, justifikasi Pahang dicadangkan adalah kerana tawaran daripada negeri Pahang terhadap Kota Filem ini. Soal masalah sosial sama sekali tidak ada kait-mengait dengan soal perfileman. Saya hendak jelaskan bahawa kita tidak boleh sama sekali mengassosiasikan immoral dengan perfileman.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya daripada soalan yang dibangkitkan daripada Yang Berhormat dari Marang seolah-olah beliau tidak bersetuju dengan sebuah Kota Filem ala Hollywood ini diwujudkan di negeri Pahang. Saya ingin tahu dari pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak adakah rancangan untuk menyesuaikan dengan penyoal ini untuk diwujudkan Kota Filem ala Mesir. Soalan yang kedua, selama ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa soalan tambahan biasanya dihadkan kepada satu sahaja, Yang Berhormat. Sambungkan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Soalan (a), (b). *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu pun sama sahaja.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Selama ini tidak adakah permohonan untuk mewujudkan Kota Filem ala-Mesir di Kelantan?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya juga nampak di sebalik soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang bahawa beliau hendak kaitkan soal maksiat dengan Hollywood dan saya jelaskan tadi bahawa janganlah kita samakan soal maksiat dengan sektor perfileman, sebab kalau hendak buat maksiat soal sektor lain pun jadi juga.

Cadangan Yang Berhormat supaya ala Mesir ini pun baik. *[Ketawa]* Kita akan fikir supaya kita cantumkan Mesir dengan Hollywood, tetapi kita pastikan bahawa soal seks ataupun soal moral ini

akan menjadi keutamaan untuk kita kawal. Belum ada lagi daripada negeri Kelantan untuk memohon satu Kota Filem ala Mesir. Kita menunggu.

PEMASANGAN AEROBRIDGE DI LAPANGAN TERBANG SIBU

9. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada peruntukan telah diluluskan untuk memasang aerobridge untuk Lapangan Terbang Sibul di negeri Sarawak. Jiya ya, bila. Jika belum, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah dimaklumkan dalam sesi-sesi Parlimen yang lepas, projek pemasangan 'aerobridge' untuk Lapangan Terbang Sibul terletak di bawah tanggungjawab Malaysia Airports Berhad (MAB), salah satu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan. Malaysia Airports Berhad telah pun maklum bahawa tender untuk projek pemasangan aerobridge ini telah pun ditutup pada 30 September 1997 dan pada masa sekarang adalah dalam peringkat 'evaluation, dengan izin. Adalah dijangka bahawa kerja-kerja pemasangan akan mula setelah Lembaga Tender MAB menjalankan pemilihan terhadap tender dalam masa tiga bulan selepas tarikh tender ditutup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Wakil Sibul. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya adakah aerobridge untuk tiap-tiap lapangan terbang ini sebagai satu standard design ataupun satu kemudahan berlandaskan permintaan masyarakat setempat, dan kenapakah pula aerobridge ini tidak diberi kepada semua kemudahan-kemudahan airport yang terutama sekali untuk penerbangan domestik untuk rakyat Malaysia keseluruhannya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti Yang Berhormat Batang Lupar mewakili Sibul pula. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu aerobridge adalah salah satu kemudahan yang patut diberikan kepada semua lapangan terbang, tetapi ini tidak bermaksud bahawa semua lapangan terbang boleh diadakan aerobridge. Kemudahan aerobridge ini bergantung kepada faktor-faktor sama ada adakah betul-betul lapangan terbang yang tertentu ataupun berkenaan memang memerlukan kemudahan aerobridge. Sama ada sebuah lapangan terbang mampu dari segi income, hasil yang dikutip dapat mengadakan kemudahan aerobridge dari segi sama ada aerobridge ini merupakan standard design,

dengan izin, saya ingin memberitahu iaitu ini kita tidak boleh kata semua aerobridge harus mengikuti standard design sebab ini bergantung kepada reka bentuk lapangan terbang yang berkenaan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapa jumlah nilai skim kontrak untuk membina aerobridge dan berapa lama masa untuk pembinaan aerobridge dan bila dijangka siap?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, dari segi jumlah kos pembinaan dan pemasangan aerobridge ini saya ingin memberitahu iaitu kita tidak dapat menentukan dengan secara tetap iaitu berapa jumlah akan dibelanjakan. Tetapi dalam projek pemasangan aerobridge ini untuk Lapangan Terbang Sibul jumlah kosnya tidak melebihi RM20 juta. Sebab apa RM20 juta, sebabnya Lapangan Terbang Sibul agak berlainan sedikit, sebab kita hendak pasang aerobridge ini pun kita kena ubah suai reka bentuk lapangan terbang di Sibul. Dari segi masanya saya percaya selepas tender tutup tiga bulan kerja-kerja pembinaan akan bermula dan saya percaya tidak akan memakan masa yang begitu lama, mungkin setahun.

PEMBASMIAN KEMISKINAN DI SABAH - PELAN INDUK

10. **Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai pelan induk untuk membasmi kemiskinan di Sabah sesuai dengan janji Sabah baru untuk mensifarkan (O) kadar kemiskinan menjelang tahun 2000. Dalam hal ini apakah program usahasama yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya mempunyai perancangan, strategi dan pelan tindakan yang khusus bagi membasmi kemiskinan meliputi seluruh negara dengan tumpuan kepada kawasan-kawasan dan kumpulan yang mempunyai kadar rakyat termiskin yang paling tinggi termasuklah Sabah dan daerah-daerah yang berkaitan dengannya.

Dari segi kerjasama antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan sememangnya semua perancangan pembasmian kemiskinan di negeri-negeri dilaksanakan dengan kerjasama penuh dengan kerajaan negeri berkenaan termasuk dari segi perancangan, pelaksanaan dan pengesanan projek serta pelaksanaan program-program yang diputuskan di bawah PPRT. Pelbagai mekanisme telah kita wujudkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri termasuk juga pembabit badan-badan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Dalam konteks di negeri Sabah, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan peringkat kebangsaan dan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di peringkat negeri dan daerah telah pun terwujud kesemuanya di Sabah. Dengan usaha-usaha bersepadu sedemikian, kita menjangkakan kadar kemiskinan di Sabah bagi kumpulan rakyat termiskin yang berada di tahap 5.5% dalam tahun 1995 yang lalu diharapkan dapat diturunkan ke bawah daripada tahap 1%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah juga menetapkan pelan tindakan dan sasaran tertentu termasuk mengenal pasti seramai 9,131 keluarga di Sabah yang ditakrifkan sebagai termiskin dan berkemampuan untuk bekerja. Untuk itu kita menetapkan bagi tahun 1997 seramai 4,194 orang akan dibantu, tahun 1998 seramai 2,630, tahun 1999 seramai 1,754 dan tahun 2000 sekurang-kurangnya seramai 563 orang. Namun demikian, saya mengakui bahawa daripada perangkaan awal menunjukkan usaha mensifarkan golongan termiskin di Sabah bukanlah mudah. Oleh sebab itu, Kerajaan Pusat sedang bekerjasama dengan kerajaan negeri dan turut melakukan program pemantauan ataupun monitoring bagi memastikan program yang berkesan dapat dilaksanakan di negeri tersebut.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Menteri atas penghuraian tindakan-tindakan yang sedang dibuat khusus di peringkat negeri Sabah. Pihak kita bertanya tentang pelan induk ini, sebab matlamat yang ditentukan sebagai mensifarkan kemiskinan di negeri itu pada tahun 2000 adalah satu matlamat yang tinggi sekali dan kalau tercapai pun pihak kita sedia juga menyokong dan harapan kita ialah ia akan tercapai. Masalahnya ialah walaupun banyak pengumuman-pengumuman projek dan program-program yang dijalankan, masalah yang sentiasa timbul ialah soal pengawasan dan penyelarasan di peringkat negeri di mana program-program ini tidak terfokus, tidak berterusan, tidak continuous dan seringkali juga tidak tepat kepada sasaran, kerana banyak agensi yang menjalankan usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan. Jadi, saya ingin bertanya apakah tindakan kementerian untuk memperbaiki keadaan ini supaya peruntukan daripada Kerajaan Pusat lebih tepat kepada sasaran dan supaya membantu mereka yang betul-betul miskin?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengakui dan memang kita telah pun mengenal pasti ini sebagai satu daripada masalah, tetapi sepertimana saya telah tegaskan bahawa Kerajaan Pusat bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri, malah kita telah pun mengesyorkan supaya Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di peringkat negeri itu mesti dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Selain daripada itu, wakil

tetap daripada kementerian akan duduk bersama dalam jawatankuasa berkenaan dan mereka melaporkan terus kepada saya di peringkat Jawatankuasa Kebangsaan. Saya mengakui soal memastikan program yang dilaksanakan sampai ke sasaran adalah satu daripada masalah yang paling rumit. Malah kita menjangkakan di beberapa daerah tertentu terutama di Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Nabawan dan Pitas kita menjangkakan sukar hendak mencapai tahap di bawah tahap 1%.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana janji bahawa untuk mencapai kadar kemiskinan sifar di tahun 2000 di negeri Sabah satu janji spesifik dalam pilihan raya besar negeri Sabah tahun 1994, bukankah benar bahawa ini satu janji kosong, oleh kerana tidak boleh dicapai apa Yang Berhormat Menteri boleh buat sahaja ialah memberi jawapan umum, dan sampai sekarang bukankah benar bahawa Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi angka-angka spesifik di mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat diingatkan tidak boleh buat ulasan ataupun andaian.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sudah sampai di sini. Lebih pendek daripada apa orang-orang Barisan Nasional buat, cerita lama, kita cerita pendek. Bukankah benar bahawa kalau kerajaan serius dalam janji pilihan raya besar dalam negeri Sabah bahawa untuk mencapai kadar kemiskinan sifar bahawa setiap tahun kita patut boleh monitor tahap atau kadar kemiskinan tahun 1995, 1996, 1997. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi angka semacam ini supaya menunjuk bahawa kerajaan serius dan bukan satu lagi janji kosong sahaja. Dan bukankah benar bahawa oleh kerana kadar kemiskinan di negeri Sabah lebih dianggap sebagai antara tertinggi di negara ini bahawa kalau di lain-lain negeri....

Tuan Yunus bin Rahmat: Sudahlah!

Tuan Lim Kit Siang:tidak boleh ada matlamat kemiskinan sifar, bagaimana ia boleh dilaksanakan di negeri Sabah?

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat ini dahulu saya ingat dia 'smart', rupanya tidak ada standard langsung. *[Tepuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Dan patutlah dia hanya boleh menang di kawasan bandar, dia hendak bercakap hal kemiskinan, fakta pun dia tidak tahu. Saya hendak jelaskan sekali lagi Yang Berhormat, pertama saya hendak betulkan statement Yang Berhormat buat, kita katakan mensifarkan bukan mensifarkan kemiskinan, kita kata mensifarkan rakyat termiskin, dia ada berbeza itu, kemiskinan dengan termiskin - nombor satu.

Sebagai Ketua Pembangkang sepatutnya kenalah 'smart' sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri bohong. Kita check manifesto. Boleh check.

Beberapa Ahli: Duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Kita check manifesto!

Seorang Ahli: Hai bodoh! [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Menyampuk dalam bahasa Cina*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Sabar! Saya tak izinkan Yang Berhormat Tanjong bertindak sedemikian.

Seorang Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa ini keterlaluan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Not matured.

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Beberapa Ahli: Duduk, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri tak patut bohong begitu!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu! Ini lagi teruk ini, sebab perkataan 'bohong' itu saya rasa unparliamentary Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tak ada kuasa hak istimewa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib!

Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun diberi peluang untuk menyoal, tetapi takkanlah Yang Berhormat hendak ambil kesempatan untuk gunakan perkataan unparliamentary. Dan lagi pun Yang Berhormat, sama ada

Tuan Lim Kit Siang: *[Mengganggu]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.sama ada Yang Berhormat hendak uji ataupun hendak semak kembali kesahihan apa yang dikatakan tadi itu, ada peluang yang lain, bukan pada masa sekarang Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita hendak test sejauh mana sabar. Nampak jelas melenting, sebab itu di Kidurong kalah. *[Tepuk]* Sebab rakyat tak mahu pemimpin yang emotional.

Dalam masa kita bentang Rancangan Malaysia Ketujuh dan dalam banyak dokumen kerajaan, selalu disebutkan kadar kemiskinan negara kita sekarang berada di tahap lebih kurang 9%, kita hendak usahakan turun kepada kadar kira-kira 5%. Semua orang tahu. Kalau Ahli Parlimen kata tak tahu memang dia tidak buat homework. Dan setiap kali kerajaan mengumumkan yang kita hendak mensifarkan ialah golongan termiskin yang pada masa ini ada pada tahap lebih kurang 3%, hendak diturunkan ke bawah daripada kadar 1% dan kita telah jelaskan, sifar itu bukan bermakna 0%, anything below 1% yang mana bakinya itu, tinggal lagi yang uzur, tua, cacat, maka dari segi perancangan kita menganggapkan kita dapat mencapai tahap mensifarkan golongan termiskin.

Dasar ini sudah kita jelaskan di banyak tempat, tetapi macam biasalah. Sebab dia tidak biasa ke kampung, dia duduk di kawasan bandar sahaja, kita maafkanlah dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Ini ilmu hisab kena gagallah.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: Saya hendak mengambil kesempatan ini juga, saya

Seorang Ahli: Ha, like father like son.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan mencelah macam itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Annuar bin Haji Musa: saya juga hendak menjelaskan kenyataan Ketua Pembangkang yang tidak tepat. Dia menuduh kerajaan tidak serius tentang pembasmian kemiskinan dengan mendakwa kalau kerajaan serius mesti ada angka setiap tahun berapa sudah capai. Kita memang ada

angka setiap tahun. Tahun 1995 dahulu kita ada 120,000 jumlah rakyat termiskin. Selepas kita laksanakan pelbagai program pada tahun 1996, dia turun kepada kira-kira 70,000. Angka terbaru jumlah rakyat termiskin dalam negara ini hanya tinggal 60,000. Angka itu ada kita keluarkan pada setiap tahun, cuma Ketua Pembangkang sahaja yang tidak tahu. Jadi, saya fikir tak payah panjanglah, cukup setakat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 4, 11 hingga 17 dan 19 hingga 35 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang

Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1997, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” *[Hari Selasa 28 Oktober 1997]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang
Berhormat dari Tuaran diminta sambung.

3.35 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kelmarin saya telah mengatakan bahawa kakitangan kerajaan perlu mengambil tindak balas terhadap keprihatinan pihak kerajaan untuk memberi bonus dan ini akan dapat membantu kerajaan untuk memperbaiki keadaan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penanguhan perlaksanaan beberapa projek mega oleh kerajaan merupakan langkah pertama penting untuk menangani keadaan ekonomi negara sekarang. Sudah tentu keadaan ekonomi di seluruh dunia yang kian meruncing sekarang akan mempengaruhi keadaan ekonomi di negara kita juga. Bahkan *The Economist* keluaran 18 Oktober 1997 berpendapat bahawa seperti juga kebakaran di Indonesia masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN memerlukan monsoon treatment rather than just a brief downpour, dengan izin.

Saya berpendapat bahawa memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang banyak langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah terutama sekali di dalam perlaksanaan beberapa projek besar yang tidak seharusnya dimulakan, kita ambil contoh seperti Bakun di mana sudah banyak duit telah dibuang tetapi sekarang dihentikan dan tidak dapat diketahui bila akan dimulakan semula. Ini semuanya pembaziran yang tidak seharusnya berlaku. Banyak juga projek kerajaan yang seharusnya tidak mahal kos untuk membinanya, tetapi harganya melambung.

Saya ambil contoh di kawasan saya sendiri, satu jalan raya Kota Belud bypass, harga asalnya hanyalah RM100 juta sahaja, tetapi saya difahamkan sekarang kosnya telah melambung hampir RM200 juta. Jadi mengapa boleh berlaku kenaikan begitu banyak, bukankah ini satu pembaziran dan tidak mengambil kira implikasi terhadap kedudukan kewangan negara.

Satu lagi projek di kawasan saya yang walaupun saya alu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan tetapi ini bukan bererti bahawa kita menyokong pembaziran itu, di mana pada asalnya jalan raya dari Teluk Likas ke Teluk Sulaman dianggarkan memakan belanja hanya RM255 juta sahaja. Tetapi diumumkan baru-baru ini di mana harga kosnya telah melambung tinggi sehingga RM310 juta dan ini pun belum lagi kos yang muktamad. Semuanya ini dilakukan secara turnkey project. Maka saya minta pihak kerajaan terutama Jabatan EPU di Jabatan Perdana Menteri bila meluluskan kos projek itu haruslah berhati-hati dan jangan biarkan kos itu pandai tumbuh pula kerana ini mempunyai implikasi terhadap kedudukan ekonomi dan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin perancangan dan pelaksanaan semua projek mega seterusnya perlu dilakukan dengan teliti menurut keperluan dan kemampuan negara agar ekonomi kita tidak akan terjejas akibatnya. Tidak dapat dinafikan bahawa antara masalah yang dihadapi oleh ekonomi negara ialah defisit akaun semasa dan juga hutang negara.

Jadi, pihak kerajaan haruslah berhati-hati di dalam semua perkara ini oleh kerana ia boleh memburukkan keadaan ekonomi kita. Kita tahu bahawa kemerosotan ekonomi sekarang sebanyak sedikit adalah kerana akibat

keyakinan pihak pelabur di dalam sektor pasaran modal dan ini perlu ditangani dengan sebaik-baiknya. Defisit akaun semasa perlu terus dikawal oleh kerana ia boleh bertambah buruk sebelum ia bertambah baik. Saya katakan demikian dalam Ucapan Belanjawan tahun lalu dan namun tidak banyak perubahan yang telah tertera di dalam akaun semasa negara kita.

Ini amat penting untuk memberi keyakinan kepada para pelabur yang ingin melabur di negara kita, oleh kerana kalau kita tidak berhati-hati dalam hal ini sudah tentu keadaan ekonomi kita akan terancam.

Satu lagi perkara yang perlu saya sentuh di sini ialah mengenai keghairahan rakyat ataupun para pelabur negara kita untuk melabur di luar negara. Saya tidak faham mengapa ini boleh diteruskan sedangkan kita sentiasa mengatakan bahawa kita perlu pelaburan daripada orang luar, tetapi rakyat kita sendiri pula berlumba-lumba untuk melabur di luar negara.

Jadi, kalau demikianlah keadaannya siapakah yang kita harapkan untuk datang melabur ke negara kita, dari manakah modal yang kita akan harapkan datang untuk pembangunan negara kita pula kalau para pelabur negara ini tidak mempunyai keyakinan dalam negara mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan kerajaan untuk mengurangkan import barangan khususnya barangan yang boleh diperolehi di dalam negara kita ini adalah tepat dan perlu disokong oleh sekalian rakyat. Duti import yang dicadangkan atas barangan jentera berat pasti akan mengakibatkan kenaikan kos dan mengurangkan keuntungan syarikat-syarikat di dalam sektor ini tetapi perkara ini tidak dapat dielakkan kerana negara kita perlu membendung

pergantungan kepada barangan import. Oleh yang demikian, sektor pembuatan tempatan perlulah berusaha untuk menggantikan barangan import yang boleh dikeluarkan di dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sektor yang perlu ditangani dengan serius oleh kerajaan ialah bahan import makanan. Difahamkan pada tahun lalu sahaja kita telah mengimport tidak kurang daripada nilai RM9.1 bilion untuk makanan dan ada satu artikel di dalam *The World Executed Digest* keluaran Oktober 1997 yang mengatakan bahawa di dalam masa tempoh 30 tahun yang akan datang, keperluan makanan di seluruh dunia akan meningkat dua kali ganda.

Jadi, persoalannya, apakah persiapan pihak Kerajaan Malaysia untuk menghadapi kemungkinan kita juga perlu melipatgandakan keperluan makanan kita di negara ini.

Maka di dalam menghadapi kemungkinan ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan membuat kajian menyeluruh di dalam pembangunan industri pertanian negara. Saya harap pihak kerajaan akan mengambil kira keperluan mengatasi masalah terlalu bergantung kepada import makanan bila merangka dasar pembangunan pertanian di negara ini nanti yang mungkin akan dibentang pada bila-bila masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam merancang pembangunan tanah, di seluruh negara ini mestilah diselaraskan menurut keperluan mempelbagaikan ekonomi negara ataupun sumber kewangan negara. Oleh yang demikian, di dalam konteks ini saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia

ini, satu keadaan di negeri Sabah di mana negeri Sabah telah memperuntukkan tidak kurang daripada 2.7 million hectars tanah semata-mata untuk penanaman semula hutan dalam jangka 100 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, persoalannya di sini ialah bolehkah Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Malaysia terus bergantung kepada hasil kayu balak sedangkan ada saingan di dalam sektor ini di samping juga ada tekanan oleh pihak tertentu mengenai tropical timber, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa memberi tanah itu 2.7 million hectares tanah itu kepada hanya sepuluh syarikat sahaja semata-mata untuk reforestation adalah apa yang dikatakan 'putting all the eggs in one basket'. Apakah akan terjadi kalau makanan kita berkurangan, bolehkah kayu itu kita makan pula nanti. Dan perancangan seperti ini adalah tidak selari dengan keperluan negara. Oleh yang demikian, saya minta pihak kementerian yang berkenaan dan juga pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya EPU supaya mengkaji perkara ini dan jangan diteruskan.

Saya difahamkan bahawa pihak-pihak yang diberi konsesi ini hanyalah berminat untuk menebang kayu balak. Tidak hairanlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika melawat Sabah suatu masa dahulu berkata bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Sabah ini terlibat sebagai pencuri kayu balak dan mungkin inilah caranya untuk mengelakkan sangkaan ataupun andaian yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah masalah perumahan. Sudah tentu semakin keadaan ekonomi kita sekarang ini merunsingkan,

keadaan atau keperluan perumahan juga akan bertambah buruk. Rakyat yang miskin dan berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah, mungkin juga keadaan harga rumah akan naik. Maka pihak kerajaan haruslah berhati-hati dan bersungguh-sungguh untuk menangani masalah ini. Yang peliknya di Sabah terutama di kawasan saya ialah kerajaan Barisan di Sabah terus merampas tanah-tanah rakyat dengan bayaran sangat murah, ada yang kurang daripada 50 sen setiap kaki persegi. Dan selepas itu kerajaan menjual tanah yang dirampas daripada rakyat itu dengan harga tidak kurang daripada RM12 setiap satu kaki persegi. Apakah penjelasan yang boleh diberi di mana tanah rakyat dirampas dengan harga kurang daripada RM1 tetapi pihak kerajaan boleh menjualnya dengan harga yang tinggi sekali. Dan apakah yang terjadi dengan rakyat yang sudah pun miskin dirampas pula tanah mereka.

Jadi, saya minta pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menyiasat perkara ini dan menghentikan perkara ini dengan serta-merta.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak ada masa Rompin. Minta maaf.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bercakap itu macam pilihan raya Sabah ini. Bila atau sudah mulakah kempen pilihan raya Sabah ini?

Tuan Yunof Edward Maringking: Datanglah, nanti kita jumpa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat dari Tuaran diingatkan, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya akan gulung selepas satu lagi perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, satu perkara sebagai menggulung, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang perkembangan industri pelancongan iaitu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau hendak beralih ke satu topik yang lain itu, saya rasa tidak ada masa.

Seorang Ahli: Gulung sahajalah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Okay, saya akur Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masa yang tidak mencukupi, untuk menggulung, saya minta supaya pihak kementerian yang berkenaan akan mengambil kira apa yang telah saya katakan tadi terutama pembangunan tanah dan juga keperluan perumahan yang bertambah buruk pula atas tindakan Kerajaan Negeri Sabah merampas tanah rakyat termiskin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Johor Bahru.

3.50 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin [Johor Bahru]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahis Rang Undang-undang Perbekalan 1998.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan pada tahun ini telah dibentangkan di dalam keadaan ekonomi negara yang masih lagi tidak menentu kesan kejatuhan nilai ringgit dan juga pasaran saham. Rakyat haruslah sedar bahawa ini bukanlah kali yang pertama negara kita menghadapi masalah ekonomi. Namun kita semua yakin masalah tersebut boleh diatasi berasaskan kepada beberapa perkara.

Yang pertamanya, wujud kestabilan dalam politik negara kita. Usaha beberapa pihak termasuk media asing yang cuba melaga-lagakan kepimpinan negara bermatlamat untuk menggugat kestabilan kita. Apabila kita tidak stabil, kita tidak akan dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Kita perlu mengambil iktibar apa yang berlaku dalam negara jiran kita iaitu Thailand di mana dalam usaha menumpu kepada soal menyelesaikan masalah ekonomi, kepimpinan negara tersebut terpaksa pula berhempas pulas memikirkan soal mempertahankan jawatan dan juga kedudukan.

Akhirnya masalah ekonomi di negara tersebut terus melarat dan berlarutan. Oleh itu, kita haruslah berhati-hati agar tidak terjerumus dengan perangkap asing yang sememangnya tidak mahu melihat kejayaan kita menyelesaikan masalah yang sedang negara kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, kegawatan yang kita alami pada masa ini berbeza dengan kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an. Pada masa ini, tahap perdagangan dunia sudah meningkat dan tahap pertumbuhan negara maju lebih baik daripada tahun 1980-an. Tentulah keadaan ini boleh membantu usaha yang sedang kita lakukan untuk menyelesaikan masalah ekonomi.

Dan ketiga, Kerajaan Barisan Nasional mempunyai pengalaman dan kepakaran yang boleh digunapakai sepenuhnya bagi memulihkan ekonomi negara.

Berasaskan kepada ketiga-tiga perkara yang tersebut, rakyat perlu yakin bahawa kerajaan akan dapat melepaskan negara daripada masalah yang sedia ada, walaupun perlu ada sedikit sebanyak pengorbanan daripada semua pihak. Ini bermakna selain daripada menaruh keyakinan kepada kerajaan adalah penting rakyat memahami tindakan kerajaan di samping turut serta berusaha menyumbang, menjaya dan melaksanakan perkara yang boleh membantu ekonomi negara seperti tidak boros berbelanja, berjimat cermat, membeli barangan buatan Malaysia, mengurangkan import, mengurangkan lawatan ke luar negara dan melakukan percutian ke destinasi dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyambut baik anjakan di dalam pendekatan kerajaan bagi menjamin kemantapan ekonomi negara di peringkat mikro. Justeru itu, kita mengalu-alukan strategi belanjawan pada tahun ini yang menjurus kepada usaha mengatasi kelemahan negara selama ini iaitu dengan mengurangkan defisit di dalam akaun semasa imbalan pembayaran.

Di dalam soal ini kejatuhan nilai ringgit seharusnya menyaksikan peningkatan eksport negara di samping pertambahan kemasukan pelancong dan juga rakyat asing.

Menyentuh mengenai eksport negara. Satu perkara yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan ialah kita dapati tidak semua barangan yang dikeluarkan di negara kita dipasarkan oleh kita sendiri. Kita dapati wujudnya negara kedua yang berperanan berdagang dengan mengeksport barangan kita. Negara Singapura misalnya diketahui memainkan peranan ini dengan membeli pelbagai barangan kita khususnya bunga orkid, ikan akuarium dan sebagainya dan apabila negara tersebut mengambil peranan pemasaran ataupun marketing, maka sudah tentulah yang digunakan bukan kapal daripada negara kita, malah pelabuhan, perkhidmatan insurans, kemudahan kewangan dan sebagainya yang digunakan adalah kepunyaan negara Singapura itu sendiri.

Oleh itu, saya ingin menyarankan kepada kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri supaya menyiasat masalah ini serta memikirkan strategi untuk menguasai pemasaran tersebut kerana perkara ini bukanlah perkara baru tetapi satu perkara yang sudah lama berlaku.

Kerajaan perlu bertindak mengatasi kewujudan orang tengah yang kesannya samalah seperti dalam bidang-bidang yang lain yang terdapat orang tengah. Ini bermakna kerajaan perlu mengambil tindakan dengan mewujudkan perhubungan secara terus antara syarikat-syarikat pengeksport kita dengan

syarikat-syarikat yang mengimport barangan kita tanpa perlu melalui negara kedua.

Jika kita tidak melakukan sedemikian, kita bukan sahaja tidak membantu pertumbuhan industri perkhidmatan negara, tetapi kita juga tidak akan capai secara maksimum matlamat untuk meluas dan meningkatkan eksport barangan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada usaha menarik pelabur, pelancong dan juga pengunjung asing, kita berpendapat kedatangan mereka ke negara kita, lebih-lebih lagi setiap perbelanjaan yang mereka lakukan boleh membantu usaha kita mengatasi masalah defisit di dalam imbangan pembayaran negara.

Apabila kita menerima pelaburan asing, kerajaan seharusnya mengurangkan pergantungan kita kepada tenaga kerja asing, bukan sahaja di peringkat rendah, di peringkat buruh kasar tetapi kita juga mesti mengambil kira tenaga kerja asing di peringkat atasan iaitu golongan expatriate. Kegagalan mahupun kelewatan kita menggantikan expatriate ini menunjukkan proses pemindahan teknologi yang tidak berjalan dengan lancar di samping ia tidak akan membantu usaha kita untuk mengurangkan masalah defisit dalam kewangan negara.

Dan kerana kita tahu bahawa golongan expatriate ini dibayar dengan gaji yang lumayan dan juga dengan faedah yang lain, tentunya pengurangan pergantungan kepada mereka akan menjimatkan kos syarikat dan membantu negara dalam usaha untuk mengatasi masalah defisit.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap mengenai pelancong dan pengunjung asing, kita menerima hakikat bahawa Tambak Johor di Johor Bahru merupakan pintu masuk utama negara kita. Dalam masalah ekonomi yang kita hadapi dan kejatuhan nilai Ringgit kita berbanding dengan Dolar Singapura, kita sememangnya akan dapat menyaksikan lebih ramai rakyat Singapura yang akan masuk ke Johor Bahru untuk berbelanja dan sebagainya di sana.

Di sinilah perlunya kita mempunyai kefahaman dan pendirian yang jelas mengenai fenomena ini. Saya menyatakan demikian kerana jika kita tidak melakukan sesuatu untuk mengatasi masalah kesesakan yang berlaku di Tambak Johor, sememangnya di Tambak Johor memang berlaku kesesakan tetapi pada hari ini ditambah keburukan kesesakan itu dengan keadaan yang dilakukan oleh pemeriksaan rapi yang dibuat oleh pihak kastam.

Walaupun Ringgit kita rendah dan barangan negara murah kerana kesesakan yang semakin buruk, kita tentunya tidak akan dapat menarik pengunjung daripada Singapura dan seterusnya usaha kita untuk mengatasi masalah defisit negara tidak akan tercapai sepenuhnya. Saya bersetuju sebenarnya pihak kastam membuat siasatan rapi bagi mencegah penyeludupan, tetapi hendaklah sebelum melakukan dan membuat operasi tersebut, ditentukan kakitangan yang cukup dan sebagainya, ditentukan semua lorong lori dibuka dan kerja-kerja siasatan berjalan dengan lancar dan juga efisien.

Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, malah memberi gambaran yang buruk terhadap imej negara seolah-olah negara kita tidak cekap dan tidak

efisien dalam menjalankan tugas. Apatah lagi kesesakan yang berterusan akan menyebabkan matalamat menambah pelaburan dan kemasukan pelancong dan rakyat asing menemui kegagalan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Hari ini sudah terdapat ura-ura Singapore Chamber of Commerce, dengan izin, yang mahu memindahkan industri mereka di Johor ke negara lain jika masalah kesesakan yang dihasilkan daripada pemeriksaan rapi ke atas lori tidak diselesaikan dengan segera di Tambak Johor. Tentunya ini bukan matlamat kita kerana kerajaan sendiri yang menyatakan bahawa kemajuan pesat yang dihadapi negara adalah daripada proses industrialisasi dan bagaimana ia membantu pemodenan negara dan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan.

Oleh itu, saya berharap kerajaan memandang berat mengenai soal ini kerana signal yang berbeza akan menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap negara kita sendiri. Saya berharap kerajaan dapat bertindak dengan segera selaras dengan pertemuan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan rakan sejawatannya daripada Singapura semasa mereka bertemu di CHOGM, Edinburgh baru-baru ini. Sebagaimana yang tersiar dalam akhbar di mana perkara ini menjadi perhatian kedua-dua pemimpin kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor, kerajaan seharusnya merangka strategi bagi menggalakkan lagi jumlah kemasukan rakyat asing ini termasuk memanjangkan waktu mereka

berada di negara ini dan yang lebih penting dan utama menggalakkan mereka berbelanja lebih ketika berada di dalam negara kita.

Untuk itu, kerajaan haruslah mempelbagaikan tarikan. Selain promosi makanan, pelancongan, membeli-belah sesuai dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu, bidang pendidikan sebenarnya juga boleh dan seharusnya dieksploitasikan secara optimum.

Pada ketika ini ramai rakyat tempatan daripada Johor Bahru yang dihantar belajar di sekolah-sekolah dan di kolej-kolej swasta di Singapura. Sudah tiba masanya kerajaan menggalakkan penubuhan institusi pendidikan swasta di Johor Bahru dan tidak hanya menumpukan di Kuala Lumpur sahaja. Galakan ini boleh dilakukan seperti dengan memberikan 'pioneer status' kepada institusi yang dibuka di Johor Bahru. Dengan terwujudnya institusi yang sedemikian, yang mempunyai kualiti yang tinggi ditambah pula keadaan nilai ringgit yang rendah, ini tentunya bukan sahaja rakyat tempatan yang akan balik menghantar anak-anak mereka belajar di negara sendiri tetapi kita juga boleh menarik rakyat Singapura yang ingin melanjutkan pelajaran dan boleh menggunakan Johor Bahru sebagai tempat yang mereka boleh mendapat sambungan pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bidang hartanah juga merupakan satu bidang yang mampu memberi sumbangan yang besar kepada tukaran wang asing negara. Kita memahami dan menerima langkah kerajaan untuk menghapuskan levi kepada pembelian rumah oleh rakyat asing. Memang dahulu kita mahu supaya dikenakan levi ke atas pembelian hartanah oleh rakyat asing, namun dengan

dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri pada masa ini khususnya di Johor yang memastikan pembinaan rumah untuk golongan yang berpendapatan rendah mencukupi maka tentunya kita tidak berasa kluatir jika terdapatnya permintaan untuk membeli rumah oleh rakyat asing khususnya di Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya rakyat Malaysia yang tinggal di Johor Bahru sedar bahawa kehadiran dan kebanjiran rakyat Singapura ke Johor Bahru membawa masalah-masalahnya sendiri. Tetapi itu tidak bermakna kita tidak mahu mereka datang ke negara kita. Dilema yang kita hadapi samalah seperti soal pembangunan, pembangunan akan membawa masalah, tidak ada pembangunan juga akan menimbulkan masalah.

Tetapi kita selalu memilih pembangunan kerana kita percaya kita mampu menghadapi masalah yang mungkin timbul kesan daripada pembangunan tersebut. Begitu jugalah dengan soal kemasukan rakyat asing. Antara masalah yang lahir di Johor Bahru akibat daripada kebanjiran kemasukan rakyat Singapura ialah peningkatan kos hidup kepada rakyat tempatan. Hal ini berlaku adalah kerana permintaan terhadap barangan khususnya barang keperluan harian melebihi bekalan yang disediakan.

Seperti yang saya telah selalu bawa ke dalam Dewan yang mulia ini, Johor Bahru merupakan satu kes yang istimewa dan berbeza daripada apa yang berlaku di bandaraya besar yang lain, yang terdapat di dalam negara ini. Setiap kali perancangan dibuat untuk membina pasar ataupun gerai dan sebagainya oleh kerana kekurangan sumber kewangan, kerajaan tempatan di Johor Bahru sering hanya mengambil kira keperluan menurut jumlah penduduk tempatan,

sedangkan pada masa ini dan pada setiap masa dan lebih-lebih lagi dengan nilai Dolar yang melebihi ringgit Malaysia, rakyat negara jiran lebih suka mendapatkan keperluan harian di pasar-pasar dan di gerai-gerai di Johor Bahru. Ini boleh dibuktikan dengan peningkatan jumlah kenderaan yang masuk melalui Tambak Johor khususnya sejak akhir-akhir ini.

Untuk itu, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan meneliti perkara dan keperluan ini khususnya di dalam menyediakan peruntukan khas bagi membolehkan kerajaan tempatan di Johor Bahru menyediakan prasarana yang mencukupi bagi merangsang peningkatan kepada bekalan barangan dan memastikan harga barangan sentiasa pada kadar yang berpatutan.

Satu lagi masalah yang lahir daripada kemasukan rakyat asing ialah soal kesesakan lalulintas serta pertambahan tanggungan kerja-kerja membaik pulih jalan-jalan serta menyediakan kawasan-kawasan bagi letak kereta di Johor Bahru. Apa yang agak mengelirukan ialah apabila cadangan yang telah sekian lama ditimbulkan untuk mengenakan bayaran kepada kenderaan yang masuk ke bandaraya ini diterima, pihak PLUS yang diberikan hak untuk mengutip tol di Tambak Johor sedangkan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang terpaksa menanggung segala kos yang diperlukan untuk meningkatkan kedudukan jalan raya dan juga membaiki serta menyelenggara dan menyediakan tempat-tempat untuk parking dan sebagainya.

Keadaan ini tentunya tidak adil dan untuk itu saya memohon kepada kerajaan untuk menimbangkan semula perkara ini seterusnya mengagihkan

sebahagian kutipan tol yang dikutip oleh PLUS di Tambak Johor supaya dapat dikongsi bersama dengan Majlis Bandaraya Johor Bahru bagi tujuan menampung kos penyelenggaraan dan penyediaan prasarana yang lebih sempurna bagi kemudahan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan misal kata bulan September sahaja sebanyak 2.2 juta kenderaan yang masuk ke Johor Bahru dan purata kutipan tahunan PLUS di Tambak Johor ialah RM50 juta setahun. Saya rasa permohonan ini adalah wajar kerana Tambak Johor itu tidak dibina oleh PLUS tetapi dibina oleh kerajaan negeri sejak sebelum merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh usaha kerajaan dari segi untuk mengawal kos sara hidup supaya tidak meningkat berikutan kegawatan ekonomi pada masa kini. Walaupun kita membaca akhbar baru-baru ini bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah memberi jaminan bahawa kadar kenaikan yang akan dibenarkan seperti yang diminta oleh PLUS adalah minimum tetapi kita khuatir tindakan PLUS akan mendorong pihak swasta yang lain untuk menaikkan harga barang dan juga perkhidmatan mereka.

Pada saya apa salahnya, PLUS yang selama ini mengaut keuntungan berkorban sedikit untuk negara dan bersimpati dengan kedudukan rakyat dengan menanggung tindakannya untuk menaikkan tol sepanjang negara menghadapi masalah ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Ya. Tuan Yang di-Pertua, berikutan kes PLUS ini saya rasa sudah sampai masanya kerajaan mengkaji sejauh mana projek-projek penswastan dan pengkorporatan menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup rakyat. Saya menyokong penswastan kerana kita semua sedar manfaat yang lahir daripadanya. Tetapi dalam banyak hal, kita lihat kerana matlamat syarikat-syarikat tersebut ialah membuat keuntungan maka rakyat juga yang dibebankan. Kerajaan sewajarnya memerhatikan supaya syarikat-syarikat ini tidak membuat keuntungan keterlaluan hingga menjejaskan rakyat.

Untuk menentukan syarikat-syarikat tersebut tidak membuat keuntungan yang keterlaluan, sistem siapa cadang dia dapat perlulah digantikan dengan sistem tender. Sekurang-kurangnya perbandingan boleh dibuat di antara cadangan yang diterima dan soal kos yang akhirnya akan ditanggung oleh rakyat akan dibuat perbandingan dan diambil kira.

Sekian, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan.

4.10 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Hari ini adalah satu hari istimewa untuk saya, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini adalah kali pertama saya mendapat peluang untuk membuat ucapan maiden speech ini this Budget session, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya berada di kawasan saya dan di kawasan saya ramai orang tanya kenapa Teluk Intan telah pergi ke Dewan

tetapi tidak berucap. Saya kata, hari-hari selama tujuh hari tak habis-habis, saya bangun, duduk, bangun, duduk tak dapat peluang untuk berucap. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Orang lain pun macam itu juga. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Dalam Belanjawan 1998, apa yang mendukacitakan ialah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan gagal memberi penjelasan bagaimana kita dapat menstabilkan harga barang-barang makanan dalam negara. Seperti yang kita ketahui sebanyak RM8.2 bilion dibelanjakan untuk membawa barang-barang import dari luar negara. Kita harus memahami bahawa makanan adalah keperluan asas. Jika sesebuah negara tidak mempunyai pengeluaran yang secukupnya dan bergantung kepada orang lain, kita terpaksa mengikut telunjuk kepada tingkah laku mereka yang berkenaan.

Sejarah juga telah menunjukkan bagaimana negara-negara yang berkuasa telah menggunakan sebagai satu senjata untuk menimbulkan huru-hara serta menjatuhkan ekonomi negara lain. Kita juga kena faham iaitu makanan pada masa dahulu contohnya beras mencukupi untuk sepuluh hingga lima belas tahun yang akan datang. Sejak negara mengamalkan dasar perindustrian, hasil beras telah jatuh dan keluaran dalam negara hanya mencukupi 65% sahaja.

Begitu juga dengan daging lembu kita bergantung 80% dari luar negara. Oleh yang demikian, kerajaan seharusnya mempunyai satu dasar pertanian

yang konsisten bagi mencapai self sustainability, dengan izin. Kerajaan juga harus mengkaji balik supaya Rancangan Buku Hijau digalakkan kembali sebab semasa Rancangan Buku Hijau pada tahun 70-an kita telah dapat mengatasi kadar inflasi dalam negara pada masa itu tetapi pemasaran sahaja yang menjadi masalah pada masa itu. Setelah wujudnya FAMA pada masa sekarang, saya rasa permasalahan itu tidak akan wujud lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1998 kerajaan telah menyeru rakyat supaya membeli barang-barang buatan Malaysia tetapi apa yang mendukacitakan ialah setakat hari ini, kerajaan sendiri tidak mengeluarkan sebarang senarai barang buatan Malaysia. Saya harap ialah apa yang pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna membuat perkara ini. Seharusnya, merekalah yang bertanggungjawab menyusun dan menyenarai serta menerbitkan risalah-risalah ini untuk pengedaran kepada orang awam. Kempen 'Belilah Barang Buatan Malaysia' seharusnya digalakkan setiap masa bukan semasa krisis ekonomi yang amat tenat sahaja. Ini menunjukkan kerajaan tidak konsisten dalam kempen-kempennya.

Kita boleh melihat semua kempen-kempen kerajaan seperti 'Makanlah Buah-Buahan Tempatan' dan sebagainya tidak kelihatan langsung sekarang. Kita boleh ibaratkan kempen-kempen kerajaan hari ini sebagai tidak efektif. Kita harus mengucapkan syabas kepada Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) yang akan mengeluarkan secara inisiatifnya sendiri senarai barang-barang buatan Malaysia dan barangan import bagi mendidik para pengguna di negara ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga seharusnya mewajibkan para pembuat barang-barang keluaran Malaysia supaya melekat label-label barang buatan Malaysia. Ini juga bagi memastikan para pengguna tidak tertipu dengan barang-barang bukan buatan Malaysia. Media massa dan media elektronik seharusnya memainkan peranan mereka dalam mendidik rakyat Malaysia dengan menyenaraikan dalam akhbar dan juga melalui televisyen barang-barang buatan Malaysia supaya rakyat Malaysia mengetahuinya dan menyokong kempen membeli barang-barang buatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai senarai barang-barang yang telah diisytiharkan sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 iaitu item nombor 17 - gas petroleum cecair. Walaupun perkara ini adalah satu perkara di bawah barangan kawalan, namun pengedar-pengedar gas petroleum cecair telah mencari jalan menaikkan harganya dengan menyatakan bahawa pengguna perlu membayar sekurang-kurangnya RM1 atau lebih sebagai pembayaran pengangkutan, service charge, Persatuan Pengguna-pengguna Perak telah memaklumkan perkara ini kepada penguatkuasa kementerian berkenaan. Tetapi sehingga hari ini penguatkuasa kementerian tersebut masih belum mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya harap kementerian berkenaan akan mengambil tindakan dan melindungi hak pengguna serta-merta.

Saya difahamkan bahawa bilangan kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan telah melebihi kiraan jangkaan, dengan izin, the total

number of vehicles on the highway as far exceeded the estimated numbers in the toll agreement, bagi setiap tahun sejak kontrak ini telah diberikan kepada syarikat berkenaan. Oleh itu saya harap kerajaan dapat meneliti balik perjanjian PLUS tersebut mengenai kenaikan tol.

Saya juga hairan kepada pemberian konsesi 30 tahun untuk lebuhraya ini, kenapa perjanjian mengenai projek formula dan sistem caj-caj tidak dikemukakan kepada rakyat Malaysia untuk disemak dan diperbahaskan. Saya juga hairan mengenai cadangan Yang Berhormat dari Batu Gajah yang telah mengesyorkan bahawa konsesi lebuhraya ini dilanjutkan dari 30 tahun ke 90 tahun. Bukan saya sahaja seorang yang terkejut kepada cadangan Yang Berhormat tersebut, tetapi rakyat jelata juga, kerajaan patut mencari jalan untuk mengurangkan konsesi daripada 30 tahun ke 15 tahun ataupun menghapuskan konsesi ini sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi telah memberitahu bahawa sebanyak 73,089.85 hektar tanah kerajaan telah diduduki oleh peneroka bandar dan atau setinggan-setinggan. Saya harap kerajaan dapat membasmi masalah ini bukan dengan cara mengusir penghuni-penghuni tersebut, tetapi dengan memberi tanah atau membina rumah kos rendah untuk mereka duduki. Ini adalah kerana orang yang tinggal di atas tanah kerajaan kerap kali adalah orang-orang yang tidak berkeupayaan dan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kesukaran kaum India di negara ini. Kaum India adalah kaum yang paling ketinggalan

dan sangat mundur semenjak negara ini mencapai kemerdekaan terutamanya dalam ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan. Masa hadapan bagi sekolah-sekolah Tamil amat kabur dan menyedihkan, ramai kaum India masih tinggal di rumah setinggan, terikat dengan masalah minuman samsu dan lain-lain hal sosial. Perwakilan kaum India dalam pengajian tinggi dan civil service amat berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini bila saya pergi ke Penang untuk satu pencalonan di Sungai Bakap, saya telah ada masa untuk berjumpa orang-orang di sana dan saya hairan bahawa masyarakat India di sana di mana satu sekolah Tamil yang telah terbakar lebih daripada dua tahun akan tetapi apa-apa tindakan pun tidak diambil oleh kerajaan, tetapi murid-murid ini telah tidak juga diberitahu manakah sekolah mereka perlu hingga beberapa lama selepas perkara ini terjadi, mereka telah dihantar ke satu sekolah yang sangat jauh dari tempat di mana mereka belajar. Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan segera dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang lain, tidak berapa lama dahulu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah mengatakan bahawa orang-orang India di negara ini kerap kali terlibat dalam hal-hal gangster dan beliau sendiri telah mengatakan akan membuat perjumpaan dengan ketua-ketua gangster.

Saya hairan macam mana pihak polis tidak dapat mengambil tindakan, tetapi Menteri Kerja Raya dapat mengambil tindakan. Saya akan berterima kasih jika beliau dapat memberitahu apakah hasil perjumpaannya dengan

gangster-gangster dan apakah masalah ini telah diselesaikan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ini, saya cadangkan bahawa kerajaan menubuhkan satu royal commission atau satu badan yang bebas untuk menyiasat dan mengenalpasti supaya kerajaan dapat mengambil tindakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan orang-orang keturunan India di Malaysia termasuk dalam hal kebudayaan, ekonomi, pendidikan, pemilikan tanah, sosial dan politik.

Saya harap kerajaan dapat mengisytiharkan kaum India ini satu special class dan memberi pertolongan yang lebih istimewa. Saya juga memohon

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Saya minta maaf.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak tanya tentang 'special class' ini. Pandangan Ketua Pembangkang macam mana, hanya kaum India sahaja special class, kaum Cina, kaum Melayu?

Tuan M. Kulasegaran: Tidak cukup masa Yang Berhormat. Mungkin menteri berkenaan dapat menjawab.

Saya juga mohon agar kerajaan dapat mengadakan satu polisi yang konsisten mengenai kuil-kuil di tanah kerajaan dan di estet-estet. Kerapkali kuil-kuil tersebut atas nama pembangunan telah dirobuhkan dan pekerja-pekerja telah diusir keluar seperti di Kelawang Estate di Ipoh dan Ladang Sungai Beleta, Serendah Hulu Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan bahawa sehingga hari ini Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak memberi arahan yang tertentu kepada Dewan Perbandaran Ipoh mengenai pembelian dua buah kondominium di Cameron Highlands berjumlah lebih kurang RM1 juta semata-mata hanya untuk kakitangannya bercuti kerana bukankah tindakan ini membazirkan wang orang-orang yang membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta Pampasan Pekerja - workmen's compensation, kerajaan telah mengadakan satu skim insurans untuk semua pekerja luar negeri yang dikuatkuasakan pada 1 November 1996. Mengikut Akta Pampasan Pekerja ini, sebanyak RM120 perlu dibayar untuk setiap pekerja tersebut oleh majikan dan insurans tersebut mestilah diambil beli hanya dari London and Pacific Company Insurance Berhad.

Saya difahamkan bahawa banyak syarikat insurans lain yang sedia dan rela untuk memberi perkhidmatan yang sama dengan premium lebih murah bahkan ada sebuah syarikat insurans yang sanggup memberi insurans tersebut dengan hanya RM50 untuk satu pekerja. Sekarang di Malaysia ada lebih kurang dua juta pekerja asing dan kalau dikalikan dengan RM120, gross premium adalah RM24 juta setahun.

Saya hairan kenapa kerajaan memberi satu monopoli konsesi kepada London and Pacific Insurance Company tersebut, ini dengan terangnya menunjukkan bahawa syarikat tersebut sengaja menjadi, dengan izin, enriched.

Saya harap kerajaan meminda akta tersebut supaya pembelian insurans untuk pekerja luar negeri boleh dibeli di mana-mana syarikat insurans dan

tidak dihadkan kepada syarikat London and Pacific Insurance sahaja. Monopoli ini tidak patut wujud memandangkan kerajaan kerap kali menggalakkan polisi kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kehakiman, Peguam Negara ini. Walaupun Hakim Besar Malaya telah bersara lebih dari lapan bulan tetapi kini jawatan tersebut masih belum diisikan. Adakah kerana kekurangan hakim

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan hal itu, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah berucap yang itu Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kerap kali kes-kes di mahkamah ditangguhkan oleh sebab kekurangan jurubahasa. Kenapa walaupun tiga memorandum dengan cadangan mengenai jawatan jurubahasa telah diserahkan kepada JPA oleh Badan Jurubahasa akan tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil sehingga hari ini. Kenapa tidak ada apa-apa kursus tertentu untuk jurubahasa yang baru dilantik diadakan walhal kursus latihan diadakan untuk jururawat-jururawat, technician dan lain-lain jurusan.

Saya cadangkan bahawa gaji jurubahasa dinaikkan dan elaun mereka ditinggikan, lebih-lebih lagi kerana jurubahasa mahkamah juga terpaksa membuat kerja-kerja perkeranian dan kesetiausahaan. Elaun jaket tahunan untuk jurubahasa yang selama ini dibayar kepada jurubahasa mahkamah sehingga pelaksanaan SSB, kenapa ia telah berhenti, adakah elaun ini akan dibayar semula kepada mereka?

Adakah pihak Jabatan Kehakiman sedar bahawa situasi mahkamah di selatan negeri Perak amat memburukkan akibat tidak ada seorang jurubahasa Cina bertugas di enam buah mahkamah di kawasan tersebut termasuk kawasan Teluk Intan, Tapah, Slim River dan Tanjong Malim. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Kehakiman untuk mengatasi masalah tersebut. Saya juga difahamkan bahawa peluang untuk promosi amat tipis untuk jurubahasa-jurubahasa di mahkamah hingga moral jurubahasa-jurubahasa terjejas dan mengakibatkan ramai jurubahasa meninggalkan servis kerajaan. Pada masa dahulu Pendaftar Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret adalah dari golongan jurubahasa-jurubahasa dan saya harap JPA akan mempertimbangkan perlantikan jurubahasa kepada pendaftar-pendaftar mahkamah majistret dan sesyen.

Elaun jurubahasa mahkamah termasuk elaun bahasa, elaun jurubahasa dan elaun pesuruhjaya sumpah yang diberikan kepada jurubahasa mahkamah tidak pernah dikaji semula sehingga hari ini saya difahamkan sejak 18 tahun yang lalu. Manakala gaji kakitangan awam lain telah banyak kali dinaikkan, adakah pihak Jabatan Kehakiman atau Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil apa-apa tindakan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara adalah di kawasan saya sendiri di Teluk Intan, satu mahkamah tinggi elah disiapkan lebih kurang dua tahun sebelum ini tetapi hingga hari ini seorang hakim pun tidak dihantar untuk berfungsi di tempat itu atau mahkamah tinggi itu tidak digunakan langsung, kenapa perkara ini boleh terjadi. Why build and not use, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Amnesty International Malaysia. Saya juga difahamkan bahawa Amnesty International Malaysia telah membuat permohonan supaya organisasi tersebut dapat didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Pertubuhan, walaupun permohonan telah dibuat pada 15 September 1990 tetapi ia telah ditolak dan digantung tanpa sebab. Rayuan telah dibuat dan sekali lagi permohonan telah ditolak atas sebab-sebab masalah teknikal. Saya ingin tahu apakah technical problem tersebut, walhal Amnesty International terkenal sebagai satu badan yang berjuang semata-mata untuk hak asasi manusia tanpa apa-apa penglibatan dalam hal politik. Oleh itu, saya harap kerajaan akan mendaftar organisasi ini dengan seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Speaker, jika sesuatu organisasi hendak didaftarkan di Malaysia, ia juga boleh didaftarkan sebagai satu syarikat non-governmental organisation tetapi ini tidak dibuat oleh Amnesty International Malaysia, chapter Malaysia. Jadi, saya harap tindakan dapat diambil dalam perkara ini.

Lagi satu perkara.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Lagi satu perkara yang akhir, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Ya. Tuan Speaker, adalah mengenai Parlimen sendiri. Saya nampak bila saya masuk pada bulan Julai ada satu benda yang keluar dari sini telah dikeluarkan, tetapi selepas itu ada lampu-lampu telah dipasang. Tetapi sejak lima hari dahulu, lampu-lampu pun tidak ada menyala. Jadi saya harap tindakan diambil dan wayar-wayar yang ada di sini dan di sana, dipasang balik supaya dapat digunakan dengan bagus. Terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Rompin.

4.32 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyertai perbincangan dalam Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan Malaysia.

Kita turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah mengemukakan satu belanjawan yang baik diibaratkan dan mampu

diterima oleh rakyat. Saya mengucapkan syabas kerana belanjawan yang dibentangkan pada kali ini amat penting dalam sejarah negara.

Pada hari ini kita sudah terbela. Pada hari ini dunia telah menunjukkan bahawa Perdana Menteri kita benar. Saya hendak membawa satu petikan semalam, *Malay Mail - New York Stock Exchange shut down* - ditutup. Tidak ada kena-mengena dengan permasalahan kononnya kewangan di Asia Tenggara. Ini Kepong tidak mahu dengar sebab dia ada pilihan raya kecil, dia takut, sebab di Sarawak sudah kalah, dia takut kalah lagi di Pulau Pinang. Share prices jatuh di seluruh dunia, mengapa? Ia jatuh seperti di Tokyo 4.3%, Sydney 7.2%, London jatuh, bukan sahaja jatuh tetapi New York Stock Exchange sendiri terpaksa ditutup kerana balanya datang daripada permasalahan di Hong Kong.

Di Hong Kong, Tuan Yang di-Pertua, bila penyangak-penyangak George Soros ini menyerang mata wang Hong Kong dan kerajaan Hong Kong terpaksa bertahan dan menaikkan interest ratenya sampai 300%. Oleh kerana itu, wang liquidity dalam pasaran kurang, kerana itu pasaran saham di Hong Kong jatuh, jatuh amat besar. Indeks Hung Seng jatuh kepada 13.7% pada hari semalam dan lebih besar pada peringkat awal sebelumnya. Oleh kerana Hong Kong jatuh menyebabkan semua pasaran dunia jatuh, termasuk New York Stock Exchange terpaksa ditutup. Bukan selalu New York Stock Exchange ditutup, bukan macam parti DAP, DAP hendak tutup tidak ada masalah, tetapi kalau New York Stock Exchange ditutup, balanya akan menimpa kepada kita semua. Mengapa? Kalau dahulu mereka menuduh bahawa kononnya pasaran saham di Kuala Lumpur ini jatuh, mata wang negara kita jatuh kerana kononnya Perdana Menteri menuduh apa yang dibuat oleh Soros ini tidak benar. Pada hari ini, saya ingin mengulangi, terbukti bahawa Perdana Menteri kita benar dan yang salah itu ialah George Soros.

Kalaulah DAP tidak berkenan kepada Barisan Nasional kerana kepentingan politik sempit pilihan raya kecil, ini akan berlaku di Pulau Pinang tidak lama lagi, tolong jangan buat isu negara, janganlah orang kata, bercakap di Dewan macam menuduh Perdana Menteri kononnya mulut celupar antarabangsa, ini Ketua Pemuda Kota Melaka berkata begitu di Sarawak. Marilah kita terus memberikan sokongan kepada Perdana Menteri kita bahawa sekarang sudah terbela angkara yang dahulu membawa satu masalah besar kepada kita merupakan sudah menjadi malapetaka dunia. The problem is George Soros dan pada hari ini terbela dan dunia sendiri telah melihat bahawa yang angkaranya ialah George Soros.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik sedikit daripada kata-kata seorang analis di Hong Kong, daripada Inter Pacific. Dia kata kenyataan Perdana Menteri dahulu ramai yang mengatakan tidak benar dan tidak munasabah dan tidak diterima akal, ia sekarang sudah menjadi satu kenyataan. Bukan sahaja kita, tetapi orang luar sendiri menerima bahawa angkara yang meletakkan kita dalam keadaan suasana ekonomi yang tidak baik ini, yang menjadi satu cabaran yang besar adalah kerana George Soros. Oleh kerana itu, saya minta DAP tolonglah jangan sokong dalam Dewan sahaja, bila di luar kita mohon juga sokongan sebab ini merupakan satu isu yang amat penting, satu isu yang amat besar dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya juga ingin membawa sedikit kenyataan oleh Presiden Amerika Syarikat sendiri, dia kata pelabur-pelabur Amerika tidak perlu bimbang, fundamental ekonomi Amerika baik. Macamlah kenyataan Perdana Menteri kita. Kalau dahulu dia menuduh, dia kata yang sebenarnya Perdana Menteri kita salah. Kata sahaja fundamental ekonomi kita baik, yang sebenarnya tidak baik, sebab itu kita ada ancaman dan masalah. Dia kata, masalah ini bergantung kepada imbalan bayaran tetapi Presiden satu negara yang besar terpaksa membuat satu kenyataan yang sama. Bermakna, Amerika satu negara ekonomi yang besar juga terkena dan tercabar oleh penyangak-penyangak the speculators tadi. Saya minta Kepong tolong sedar sedikit perkara ini, jangan terikut dengan ahli-ahli DAP yang lain itu, kerana politik sempit dia ketepikan kepentingan nasional. Sebab saya pernah keluar bersama-sama beliau bila pergi lawatan ke luar negeri, Kepong dari segi semangat nasionalismenya kita tidak boleh persoalkan langsung, sampailah masa sekarang ini tolong tunjuk dan buktikan semangat nasionalisme Kepong itu. Hendak masuk Barisan Nasional pun no problem, kita boleh terima. MCA boleh letak jawatan dan masuk - boleh, no problem!

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita banyak dengar cerita kononnya mereka kata Asia Tenggara ini bukan the ASEAN miracle dari segi ekonomi kita. Ekonomi kita sekarang ini oleh kerana terjatuhnya kewangan (currency) pasaran saham di Asia, kalau dahulu ekonomi negara Asia ini dikatakan ASEAN miracle tetapi sekarang ini sudah tukar menjadi kononnya the ASEAN myth. Ini jelas menunjukkan apa yang dituduh adalah tidak benar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kenyataan Perdana Menteri menuduh George Soros sebagai yang membuat angkara ini, dikatakan sebagai penyangak, dan ada yang menuduh bahawa bila Perdana Menteri kita mengatakan yang membuat angkara, yang penyangak ini ialah George Soros, beliau mengatakan bahawa Perdana Menteri kita ini anti-Yahudi - tidak benar. Kalau kita memberi

kenyataan, orang akan kata kita memang sudah semestinya memenangkan dan menyokong Perdana Menteri kita.

Saya ingin memetik, Tuan Yang di-Pertua, daripada kenyataan Elvin Tofler, pengarang *Future Shock and the Third Wave* dalam sebuah rencana edisi *Los Angeles Times* keluaran 30 September yang lalu dengan berkata, dengan izin, *'That instead of being derided.....'* atau dituduh *'Mahathir should be cheered....'*, beliau sepatutnya diberikan satu sokongan/pujian yang besar, *'for the way he preserved ethnic peace as spoke out against Islamix extremist'*. Ini yang sebenar kenyataan seorang tokoh yang ternama dalam mengolah isu-isu ekonomi dan masa depan dunia sendiri dapat menyatakan bahawa Mahathir bukanlah anti-Yahudi seperti yang dikatakan. Yang sebenarnya Barat sahaja menuduh dan mengambil kesempatan ini untuk hendak meletakkan Perdana Menteri kita agar Perdana Menteri kita ini tidak bersuara. Inilah satu contoh yang baik, yang ingin saya kemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Baru-baru ini dengan mengambil satu risiko politik yang besar, Perdana Menteri kita juga telah membenarkan pasukan kriket negara menjemput pasukan kriket dari Israel untuk datang membuat lawatan dan menyertai satu permainan kriket di negara kita. Oleh kerana itu, kita perlu mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri kita kerana mengambil satu tindakan yang wajar dan kita tidak perlu mempersoalkan kewibawaan dan pandangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membawa dua tiga perkara yang spesifik dalam ucapan pada petang ini ialah tentang perlunya dipertingkatkan imbalan bayaran kita dalam negara kita. Ini tertumpu kepada terlalu banyak barang, komponen yang kita gunakan yang kita import. Saya ingin membawa isu kualiti dan isu teknologi. Kadang-kadang di negara kita ini kita amat terbuka dengan dasar pembelian barang-barang kita. Kadang-kadang atas dasar teknologi, atas dasar kualiti, barang-barang yang dibuat di tempatan tidak dapat digunakan dalam pembangunan pembinaan tempatan sendiri atas dasar kononnya teknologi itu sudah ketinggalan zaman - Yang Berhormat dari Selandar tahu, dia profesor di universiti dahulu, walaupun DAP tak suka dia tetapi dia bekerja baik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan - atas dasar teknologi, atas dasar kualiti barang-barang yang kita buat sendiri tidak dapat digunakan dalam projek kita sendiri.

Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada SIRIM yang memperkenalkan ISO 900, 901, 902 - entah berapa 'kosong' dah, tetapi SIRIM jangan lupa, jangan kita terperangkap dengan agenda Barat. Agenda Barat, mereka mahu menjual produk mereka. Jangan kita

terpengaruh atas kononnya bahawa barang yang kita buat, teknologinya sudah out-of-date, dengan izin, kualitinya tidak ada, dia tidak benarkan guna barang tempatan, kena import.

Contohnya, ada barang-barang ataupun perolehan-perolehan dibuat, kilang mesti ada ISO 9000 - baik, tetapi berapa kilang di negara kita yang ada ISO 9000 atau 900 atau 902? Oleh kerana itu, barang yang kita buat sendiri tidak boleh hendak dibekalkan kepada penggunaan tempatan sendiri. Berapa kilang yang ada ISO 9000? Oleh itu saya minta SIRIM tolong sebab barang mereka tidak boleh hendak bersaing dengan kita dari segi harga. Gajinya, seorang engineer sekurang-kurangnya RM30,000 satu bulan manakala pakar-pakar kita mungkin hanya RM5,000, RM6,000. Sewa bangunan tinggi, sampai mungkin RM2,000 bagi satu kaki persegi - betul, di London, di New York, di Paris, maknanya kos mereka tinggi. Oleh itu, mereka tidak mampu bersaing atas dasar harga. Bermakna mereka mesti bersaing atas dasar-dasar lain, asas-asas lain, sebab itu dia menggunakan teknologi - benar.

Saya bergiat dalam bidang elektrik. Dahulu kononnya barang yang dibuat menggunakan asas minyak, sekarang tidak boleh digunakan lagi, digunakan pula dengan asas gas yang lain. Teknologi dia kata, ini teknologi kuno, tidak boleh dipakai walhalnya teknologi itu masih digunakan di Eropah. Di kampung, di negara mereka masih digunakan, tetapi di tempat kita tidak boleh digunakan, dia kata, tidak moden dan tidak terkini. Itu teknologi, tak ada standard. Inilah saya nampak, saya minta kalau boleh MITI - Setiausaha Parlimen yang baru dilantik ada? Tak ada, dia ada di luar, dia orang Pahang, saya tak boleh mengata dia, sama-sama Pahang - MITI tolong tengok. Saya ingat elok kalau boleh MITI menjadi satu pusat yang boleh mengawasi semua ini. Kastam sebagai contoh - Timbalan Menteri Kewangan ada di sini juga - mungkin kastam tolong kalau barang-barang itu hendak diimport, mungkin kastam kena rujuk juga kepada MITI menentukan sama ada apakah perlu barang-barang ini masuk kalau barang-barang itu sudah boleh dibuat di tempatan. Mungkin kualitinya.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan kepada Yang Berhormat dari Rompin, beliau mengatakan bahawa barang-barang import ini ada kalanya barang-barang yang di dalam negara kita lebih baik. Bagaimana tentang pemain-pemain bola yang diimport? *[Ketawa]* Sejak sudah empat tahun kita mula import, pasukan bola kita tidak ada kemajuan langsung tentang pasukan negara. Sepatutnya bila kita ambil pemain-

pemain import, kita belajar daripada pemain itu, tetapi makin lama makin buruk. Jadi bagaimana tentang keadaan pemain bola sepak import, ini presidennya orang Pahang. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hai, ini kawankah atau musuh yang tanya soalan ini? *[Ketawa]* Saya ingat dari segi bola ini Pokok Sena lebih pakar, saya ingat biar dialah membahaskan lebih lanjut lagi tentang perkara ini. Saya bersetuju olahannya serah kepada Pokok Sena, lebih pakar daripada saya lagi, bukan tidak mahu jawab.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang perunding-perunding yang mereka bentuk bangunan ini ialah orang luar. Kadang-kadang mereka menspesifikasikan produk-produk itu mengikut standard kononnya lebih tinggi dan lebih baik daripada kita. Jadi, dia specified barang-barang yang dibawa daripada negara dia. Sebelum dia jadi perunding, dia mungkin bekerja dengan syarikat pembuatan besar Amerika Syarikat, selepas itu dia bekerja sebagai perunding. Dia mesti datang daripada negara dia, biasalah dia cuba membela barang-barang yang dibuat di negara mereka. Ini biasa kerana kita tidak sedar tentang perkara ini, kita terikut-ikut. Itu saya minta, pertama, apa lebihnya mereka jadi perunding? Kita tidak ada perundingkah? Tidak ada yang pakarkah di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, kita ini kadang-kadang terlalu terbuka di negara kita ini. Kita kadang-kadang terlalu memandang rendah kepada diri kita. Yang sebenar, semasa saya membuat Ph.D - ha, minta maaf, sedikit sahaja, daripada 20 orang di Mac Gill, Montreal, tidak ada seorang pun orang Kanada - 20 orang bersama-sama saya itu - tak ada, orang Palestin, orang Turki, orang Iran, Jepun, China, Hong Kong - Kepong tak ada, masa itu dia buat bidang perubatan kulit. *[Ketawa]* Bermakna, di kalangan mereka katalah di Bell Research Labs, mereka yang buat kajian (research) itu semuanya bukan orang Amerika yang asal, bukan orang Barat tetapi semua orang Timur. Sebab itu di India sekarang ini banyak kerja solve to a development dibawa ke India sebab ramai pakar silicone valley datang daripada India. Bermakna, tidak kurang kepakaran di negara kita dan di Timur, mengapa kita pergi rujuk kepada mereka di sebelah Barat sana?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kalau boleh MITI serta Kementerian Kewangan tolonglah dalam isu ini. Yang sebenarnya kita ini banyak barang yang tidak perlu kita import, itu moralnya. Kadang-kadang kita ini terpengaruh atas dasar kualiti, atas dasar standard, kita terlupa bahawa barang di negara kita boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bawa sedikit isu Tabung Haji.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sedikit sahaja, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masa dekat hendak habis ya?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, dua minit lagi, sedikit mengenai Tabung Haji. Saya seronok mendengar baru-baru ini Tabung Haji kata walaupun nilai Ringgit naik, tetapi dia cuba kalau boleh tambang naik haji ini cuba dikawal supaya tidak ditingkatkan, saya hendak mengucapkan syabas kepada mereka, tetapi saya yakin harga memang hendak naik. Bermakna, kos itu dia kena absorb, dia kena ambil sendiri. Oleh itu saya mintalah Dato' Timbalan Menteri Kewangan ada, kalau ada projek-projek itu berilah kepada mereka, maknanya kalau tanah dia itu hendak dibeli oleh orang, jangan berilah. Kalau mereka hendak projek itu tolonglah beri keutamaan kepada mereka, ini satu usaha dan inisiatif yang amat baik.

Perkara yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, sedikit tentang di kawasan saya sendiri. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana baru-baru ini telah bersetuju untuk menubuhkan satu lembaga untuk membangunkan Pulau Tioman. Saya sempat mendengar bahawa satu kenyataan dibuat semasa Perdana Menteri membuat lawatan di Pahang, beliau mengatakan bahawa kalau boleh, insya-Allah, beliau juga ingin membangunkan Pulau Tioman sepertimana juga dibangunkan di Pulau Langkawi. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana setuju untuk membangunkan Pulau Tioman dengan menubuhkan satu lembaga yang khas.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga saya difahamkan DRB telah mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membina sebuah trek ujian DRB di Rompin. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada DRB kerana juga tidak tinggal membawa dan menabur projek-projek mereka ke luar bandar seperti di Muadzam Shah.

Syabas saya ucapkan sekali lagi yang terakhirnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah mengemukakan satu budget yang amat baik, satu belanjawan yang kita semua patut puji dan terakhirnya baru-baru ini beliau juga telah mengumumkan untuk memberi AS\$1 bilion untuk membantu Indonesia. Bermakna, walaupun kita juga tidak begitu senang tetapi jiran yang lebih susah kita tidak lupa untuk membela dan membantu. Ini satu usaha yang baik dan kita mengucapkan syabas.

Ribuan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabalu.

4.52 ptg.

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan untuk turut membahas Belanjawan Malaysia 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 17 Oktober 1997.

Dalam kesempatan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua kerana telah terpilih sebagai Presiden ASEAN Inter Parliamentary Organisation (AIPO) bagi sesi 1998 semasa Persidangan AIPO di Bali, Indonesia baru-baru ini - Tahniah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa Belanjawan 1998 merupakan ubat pahit yang terpaksa ditelan untuk mengubati penyakit ekonomi yang sedang melanda negara kita pada ketika ini. Namun demikian, saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Rompin tadi iaitu kita harus diingatkan bahawa masalah keruntuhan nilai mata wang ataupun Ringgit Malaysia dan pasaran saham di BSKL bukanlah tertumpu kepada Malaysia sahaja, ianya turut menjangkau negara-negara ASEAN malah dalam tempoh dua tiga hari yang lalu pasaran saham di Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat turut menerima kejutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk memberi terlalu banyak kredit kepada orang perseorangan seperti George Soros yang kononnya mampu menggugat ekonomi Malaysia melalui kegiatan spekulasi nilai mata wang di rantau ini. Dalam konteks yang sama, saya juga tidak bersetuju dengan saranan media asing yang menuduh bahawa seolah-olah kenyataan Perdana Menteri Malaysia adalah satu-satunya faktor yang bertanggungjawab terhadap keruntuhan ekonomi negara-negara ASEAN.

Masalah ekonomi yang sedang dihadapi oleh Malaysia dan juga beberapa negara ASEAN tidak dapat dijelaskan dengan cara menuding jari ke arah tingkah laku orang perseorangan. Ianya memerlukan kajian dan penjelasan yang lebih menyeluruh dan setakat ini tidak ada sesiapa yang dapat memberi jawapan yang tepat. Dengan asas ekonomi yang kukuh, Malaysia sepatutnya tidak mengalami sebarang masalah yang boleh mengakibatkan para pelabur asing hilang keyakinan terhadap kemandapan ekonomi negara. Malang sekali, Belanjawan 1998 yang dilaung-laungkan sebagai ubat pahit yang mujarab untuk menyembuhkan penyakit ekonomi yang semakin tenat telah tidak terbukti. Oleh yang demikian, saya bersetuju dengan saranan Ahli Parlimen dari Keningau yang telah

mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula kedudukan asas ekonomi negara sama ada ianya betul-betul kukuh atau kemungkinan ianya juga masih mempunyai kelemahan yang perlu diperbetulkan.

Saya ingin mengajak kita semua supaya menumpukan perhatian terhadap rhetoric yang membina dan bukan menyalahkan sesiapa. Kemampuan kita sebagai negara yang sedang membangun untuk menghadapi serangan spekulasi terhadap nilai mata wang harus diwujudkan dan diperkuatkan. Tindakan kerajaan untuk membatalkan beberapa projek gergasi adalah wajar. Ia sekurang-kurangnya akan mengurangkan beban negara buat sementara waktu. Namun demikian, ubat pahit ramuan Menteri Kewangan setakat ini tidak cukup kuat, nilai Ringgit terus menurun dan tahap keyakinan di pasaran saham terus meluncur turun. Malaysia kini memerlukan ubat yang lebih kuat. Adakah pihak kerajaan realistik mengenai dengan program-program pembangunan yang terlalu besar dalam tempoh yang terlalu singkat.

Malaysia memerlukan perubahan paradigma untuk menghadapi cabaran abad yang ke-21. Adakah kita sudah berpuas hati dengan falsafah pembangunan yang ada sekarang? Cabaran kepada para pemimpin politik, pakar-pakar ekonomi, ahli-ahli cendekiawan, ahli-ahli korporat, para penggubal dasar negara, pegawai-pegawai kerajaan dan seterusnya adalah untuk memastikan Malaysia dapat menghadapi perubahan dan ledakan zaman yang semakin canggih dan mencabar. Kegagalan kita untuk menyesuaikan diri dalam arus perubahan zaman akan menggagalkan pencapaian wawasan negara, khususnya Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, saya yakin dengan berkat dan restu Tuhan Yang Maha Esa, kita akan dapat memulihkan keadaan. Kejayaan negara adalah kejayaan bagi kita semua dan juga generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang singkat ini saya ingin pergi terus kepada isu-isu yang tertumpu di kawasan saya. Saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini tentang kes pemindahan pengundi dari kawasan-kawasan lain di negeri Sabah ke kawasan di N 26 Ranau. Sejak dua tahun yang lalu saya telah mendapati pertambahan pengundi di kawasan tersebut yang meragukan. Misalnya dalam tahun 1996 jumlah pemohon untuk mendaftar mengundi di kawasan N 26 Ranau ialah 1,139 orang. Dalam tahun 1997 pula jumlah tersebut bertambah seramai 2,367 orang. Perkara ini sangat meragukan saya oleh kerana selama ini pertambahan pengundi hanya dalam lingkungan 200 hingga 400 orang. Misalnya, daripada tahun 1994 hingga 1995 ialah 207 orang. Kalau dikira pertambahan sebanyak lima tahun, dari 1985 sampai 1990 hanya 1,350 orang dan pada 1990

sampai 1995 hanya 2,663 orang. Tetapi pertambahan yang mendaftar sebagai pengundi di kawasan N 26 Ranau bagi tahun 1996 dan 1997 adalah 3,506 orang. Ianya adalah satu pertambahan yang sangat meragukan oleh kerana perkara ini tidak pernah berlaku sebelum ini.

Setelah membuat kajian terhadap pemindahan pengundi tersebut, saya mendapati bahawa mereka datang dari kawasan N 25 Kundasang, N 27 Tambunan dan N 28 Bingkor. Beberapa orang dari kawasan N 26 Ranau telah membuat bantahan apabila mendapati pemindahan tersebut tidak memenuhi asas kelayakan sebagai pemilih seperti yang diperuntukkan dalam Artikel 119 Perlembagaan Malaysia di mana setiap pengundi hanya layak mendaftar sebagai pemilih di kawasan di mana mereka bermastautin. Malang sekali, bantahan pada tahun 1996 telah ditolak mentah-mentah oleh pegawai pendaftar SPR daerah Ranau tanpa memberi peluang kepada pembantah memberi penjelasan yang terperinci. Pada tahun ini para pembantah telah diwakili oleh seorang peguam dan siasatan awam dijalankan dengan lancar. Dalam siasatan awam tersebut, para pembantah telah berjaya membuktikan bahawa ramai pengundi yang berpindah tidak pernah menandatangani sebarang borang pindah mengundi, malah Parti Bersatu Sabah telah membuat laporan polis pada 21 Oktober 1997 dan menyerahkan bukti-bukti kukuh mengenai dengan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya bukti-bukti apabila orang-orang yang dibantah itu telah diminta untuk menandatangani, mengeluarkan tandatangan mereka, tandatangan itu tidak sama dengan tandatangan yang terdapat dalam borang permohonan untuk pindah mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan soalan di Parlimen Malaysia dan telah mendapat jawapan bertarikh 21 Oktober 1997. Dalam jawapan tersebut, saya petik jawapan:

'Hasil siasatan didapati memang benar terdapat perpindahan pemilih-pemilih dari Bahagian Pilihan Raya N 25 Kundasang dan N 28 Bingkor ke Bahagian Pilihan Raya N 26 Ranau. Perpindahan ini telah diluluskan oleh pegawai pendaftar setelah menerima borang-borang permohonan dari pemilih-pemilih yang berkenaan dan berpuas hati bahawa borang-borang tersebut adalah sah dan teratur'.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal dengan jawapan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri yang jelas bercanggah dengan kedudukan sebenarnya. Pejabat saya telah membuat pemeriksaan di Pejabat SPR, Kota Kinabalu dan mendapati sekurang-kurangnya 20 borang permohonan pindah mengundi tidak ditandatangani tetapi telah diluluskan oleh Pegawai Pendaftar SPR Ranau dan seterusnya didaftarkan dalam senarai B, Daftar Pemilih Ranau. Saya ingin tahu

mengapakah jawapan seperti demikian diberikan sedangkan terdapat bukti-bukti kukuh yang seharusnya menimbulkan keraguan pihak SPR. Adakah Setiausaha Parlimen telah membuat penyelidikan yang menyeluruh ataupun hanya membuat kenyataan yang saya anggap sebagai misleading the House, dengan izin. Saya ingin tahu juga adakah pihak SPR bersedia untuk mengkaji semula daftar pemilih bagi kawasan N 26 Ranau dan menyiasat kegiatan pemindahan pengundi secara haram tanpa pengetahuan atau restu mereka yang terlibat dan mengambil tindakan keras terhadap mereka yang melakukan kegiatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan keraguan saya terhadap jumlah dan dasar pendaftaran anak-anak warganegara Malaysia dan anak-anak warga asing yang dilahirkan di negeri Sabah. Baru-baru ini saya telah mengemukakan soalan di Dewan ini dan telah mendapat jawapan bertarikh 8 Oktober 1997. Saya telah diberitahu oleh Kementerian Dalam Negeri secara bertulis bahawa kanak-kanak yang dilahirkan bertaraf warganegara di Sabah bagi tempoh 1990 dan 1995 ialah seramai 477,815 orang sementara kanak-kanak warga asing yang lahir di negeri Sabah dalam tempoh yang sama ialah 17,466 orang.

Persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah jumlah kanak-kanak yang dilahir dan didaftarkan sebagai warganegara Malaysia dalam tempoh lima tahun boleh mencapai tahap yang terlalu tinggi sedangkan jumlah penduduk warganegara Malaysia, keseluruhan di Sabah ialah lebih kurang 1.4 juta orang dalam tahun 1990. Saya difahamkan ketika ini telah meningkat kepada 2.1 juta orang. Sekiranya separuh daripada jumlah tersebut ialah wanita, adakah mungkin wanita seramai 750 orang dapat melahirkan anak seramai hampir 500,000 dalam tempoh lima tahun. Secara logiknya, ini tidak mungkin kecuali kanak-kanak yang berumur 10 tahun pun boleh melahirkan anak.

Saya mendapati bahawa jumlah pengundi warganegara Malaysia yang terdaftar di Sabah dan layak mengundi setakat tahun 1995 ialah 666,477 orang, bagaimana pula jumlah penduduk matang (adult population) yang berumur 21 tahun ke atas hampir sama dengan jumlah kanak-kanak yang dilahirkan sebagai warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah menimbulkan keraguan di pihak rakyat negeri Sabah. Saya percaya tidak kurang dari 100,000 orang kanak-kanak daripada 477,818 orang kanak-kanak yang didaftarkan sebagai warganegara, kemungkinan adalah kanak-kanak warga asing tetapi telah didaftarkan sebagai warganegara Malaysia sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Jumlah pendatang asing negeri Sabah yang telah mendaftar melalui program pemutihan baru-baru ini ialah

413,831 di mana 226,565 adalah pekerja dan 187,267 orang adalah tanggungan. Mengapakah jumlah kelahiran di kalangan warga asing hanya 17,466 orang sahaja di antara tahun 1990 dan 1995 sedangkan jumlah kehadiran mereka di Sabah terlalu ramai. Bukankah mungkin lebih ramai kanak-kanak warga asing yang dilahirkan di Sabah tetapi telah didaftarkan sebagai warganegara Malaysia. Saya syaki bahawa ramai ibu bapa kanak-kanak warga asing yang menggunakan kad pengenalan palsu atau kad pengenalan bermutu tinggi yang diperolehi melalui pemalsuan dokumen kerakyatan telah digunakan untuk mendaftar kanak-kanak yang dilahirkan di kalangan warga asing. Mereka menggunakan butir-butiran kerakyatan suku kaum tertentu yang sememangnya berasal dari negeri Sabah sebagai payung tempat berselindung untuk didaftarkan. Malah saya difahamkan bahawa ada di kalangan mereka di pantai timur Sabah yang telah mendaftar anak-anak mereka sebagai bangsa Melayu sedangkan jumlah penduduk Melayu asli di tempat tersebut atau di negeri Sabah sekalipun tidak ramai. Adakah pihak polis atau Kementerian Dalam Negeri telah menyiasat perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat hairan mengapakah pihak kementerian tidak mengambil sikap yang lebih serius untuk menangani masalah ini. Saya amat kesal dengan jawapan ala kadar yang saya terima di Dewan ini seolah-olah masalah tersebut adalah masalah kecil dan tidak perlu diberi perhatian yang serius.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa negeri Sabah menyertai gagasan Malaysia dalam tahun 1963 kerana faktor keselamatan. Rakyat negeri Sabah mengharapkan perlindungan politik dan ekonomi yang kuat dan telah memilih Malaysia sebagai landasan yang terbaik. Adakah Kerajaan Persekutuan sedar tanggungjawab mereka terhadap rakyat Malaysia di negeri Sabah? Bukankah kemasukan hampir 500,000 orang pendatang asing di negeri Sabah sudah mencemari maruah dan kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Di manakah tempat rakyat Malaysia di Sabah harus berpaling atau berlindung ataupun meminta perlindungan sekiranya keselamatan mereka terganggu oleh kemasukan pendatang asing yang sudah hampir melebihi penduduk tempatan di beberapa tempat di negeri Sabah. Mengapakah Kerajaan Persekutuan terus menutup mata dan membiarkan rakyat Sabah hidup dalam ketakutan dan takut kerana kemungkinan satu hari nanti mereka menjadi pelarian di bumi sendiri. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai komitmen untuk memenuhi harapan dan cita-cita rakyat Malaysia di negeri Sabah untuk hidup aman, damai dan makmur seperti yang telah dijanjikan dan seperti yang tersemadi dalam semangat perjanjian Malaysia 1963. Rakyat Malaysia di negeri Sabah memerlukan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini juga saya ingin membangkitkan persoalan mengenai dengan rasuah. Sepertimana yang telah diperkatakan oleh kepimpinan negara bahawa rasuah haruslah dibanteras daripada amalan hidup setiap lapisan masyarakat seluruh negara. Baru-baru ini saya telah mengemukakan satu soalan juga di Dewan yang mulia ini mengenai dengan penswastaan kenderaan kerajaan negeri Sabah. Jawapan yang pertama pada awal tahun ini saya telah diberitahu bahawa siasatan telah dijalankan dan keputusannya telah dihantar ke Bahagian Undang-undang untuk tindakan. Saya telah menerima jawapan yang terkini yang mengatakan bahawa siasatan telah dilaksanakan dan didapati bahawa tidak ada apa-apa kesalahan yang telah dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penswastaan kenderaan kerajaan negeri Sabah sebenarnya adalah satu masalah yang sangat serius. Ianya telah ditandatangani pada 20 Mei 1995. Tetapi apa yang jelas, kakitangan kerajaan, ketua-ketua jabatan kerajaan tidak senang dengan penswastaan tersebut oleh kerana penswastaan itu jelas merugikan negeri Sabah. Saya telah difahamkan bahawa kos penyelenggaraan melalui penswastaan itu telah menjangkau RM60 juta setahun sedangkan sebelum itu kerajaan hanya mengeluarkan ongkos lebih kurang RM15 juta. Dan baru-baru ini juga salah seorang menteri di negeri Sabah telah mengakui bahawa pembayaran sewa sebuah kereta itu ada yang RM11,000 dan ada yang RM9,000. Ini adalah satu jumlah wang yang begitu besar.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah mendapati satu bukti yang kukuh iaitu apabila kereta sebanyak 200 buah jenis Isuzu Trooper ini telah dibeli oleh sebuah syarikat swasta, ianya telah dikeluarkan melalui Local Purchase Order (LPO) kerajaan negeri. Saya ingin tahu dan saya ingin bertanya kepada BPR adakah sebuah syarikat swasta dibenarkan membeli kereta dengan menggunakan LPO kerajaan, iaitu tidak membayar cukai duti kepada kerajaan, mengelakkan cukai kerajaan dan kenderaan sebanyak 200 buah ini telah didaftarkan atas nama syarikat swasta ini, iaitu kalau di Sabah ia memakai nombor plat 'SA' ataupun 'swasta', kalau dia 'SG' itu adalah kerajaan. Perkara ini telah dibawa kepada perhatian BPR dan syarikat swasta ini telah mengaut keuntungan yang berlebihan oleh kerana dapat membeli kenderaan dengan harga yang murah tanpa membayar cukai ataupun duti kenderaan. Ini adalah satu kesalahan, mengelakkan membayar duti.

Saya berani mengatakan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ketika LPO itu dikeluarkan, tidak ada satu sen pun wang dalam kerajaan negeri malah pegawai-pegawai kerajaan tidak mahu tandatangan LPO tersebut, tetapi ada pihak yang di atas sanggup tandatangan LPO tersebut dan mengambil tindakan terhadap mereka yang di bawah yang tidak tandatangan LPO tersebut. Saya

hairan BPR tidak cukup cekap untuk mengesan perkara ini berlaku dan terpaksa membawa perkara ini di Dewan yang mulia ini. Apabila saya menerima jawapan daripada Setiausaha Parlimen tentang penswastaaan ini, saya tidak berpuas hati oleh kerana saya berpendapat bahawa penyiasatan yang lebih terperinci belum dilaksanakan. Jadi, saya cadangkan supaya satu penyiasatan yang lebih terperinci dilaksanakan dan tidak memberi jawapan yang ala kadar, yang tidak memuaskan hati oleh kerana rakyat di negeri Sabah ingin tahu apakah sebenarnya yang sedang berlaku.

Saya juga telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah konon-kononnya akan mengurangkan ataupun memberhentikan penswastaaan ini dengan cara pergi kepada Proton Wira. Bagi saya ini adalah satu tindakan yang mengabui mata rakyat. Sebenarnya selama dua tahun satu kesalahan telah dilakukan. Jadi, saya mintalah BPR untuk membuat penyiasatan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Henrynus Amin: Saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah katakan awal-awal tadi bahawa ekonomi Malaysia sebenarnya memerlukan satu kajian yang lebih terperinci supaya kita benar-benar tahu tentang asas kekukuhan ekonomi negara kita. Apabila kita mendengar bahawa orang perseorangan seperti George Soros boleh menggugat ekonomi negara kita, kita mendapat gambaran bahawa ekonomi kita tidak kukuh. Jadi kita harus membuat satu kajian yang lebih terperinci terutamanya dalam menghadapi cabaran dalam abad yang ke-21.

Saya juga memohon, Tuan Yang di-Pertua, supaya SPR akan membuat kajian terhadap pemindahan pengundi di kawasan N 26 Ranau dan seterusnya mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat memindahkan para pengundi secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon kepada pihak Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji tentang pendaftaran kanak-kanak di kalangan warga asing negeri Sabah oleh kerana jumlah kanak-kanak warganegara Malaysia yang didaftarkan terlalu tinggi dan daripada warga asing pula terlalu rendah. Jadi, adakah kemungkinan kanak-kanak yang dilahirkan dari kalangan warganegara asing telah didaftarkan sebagai warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menyentuh mengenai dengan penswastaaan kenderaan negeri Sabah, saya mohon supaya BPR membuat penyiasatan dan mengambil tindakan yang lebih

wajar untuk mengharumkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hulu Langat.

5.13 ptg.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun bersama rakan-rakan yang lain untuk menyokong Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

Belanjawan yang disifatkan pahit tetapi perlu ini terus memberi perhatian untuk memajukan masyarakat khususnya mereka di luar bandar dan yang berpendapatan rendah. Nampaknya belanjawan ini memberikan fokus ataupun tumpuan kepada kehidupan masyarakat di luar bandar dan juga keseluruhannya. Tetapi pada hari ini walaupun belanjawan ini memberikan perhatian kepada mereka yang hidup, saya mahu terus menarik perhatian atau mengubah tumpuan kepada mereka yang mati, iaitu tentang satu perkembangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, adanya kawasan-kawasan tanah perkuburan di sekitar Ibu Kota ini yang diura-urakan untuk dibangunkan dan kubur-kubur ini akan dipindahkan ke kawasan saya, di Hulu Langat, khususnya ke Kampung Pasir Hulu Semenyih. Ini merupakan satu persoalan yang besar. Kalau boleh, saya memohon Kerajaan Persekutuan mengkaji semula langkah ini kerana, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, di Semenyih, di kawasan saya ini, sekarang ini sudah pun ada sebuah tanah perkuburan yang dipanggil Nirwana dengan keluasannya 500 ekar dan yang dicadangkan di sebelah Nirwana ini ialah kawasan seluas 450 ekar lagi, menjadikan jumlah keseluruhannya hampir 1,000 ekar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Persoalannya sekarang yang saya hendak bawakan ialah kenapa perlunya dibawa rangka-rangka orang mati ini ke kawasan saya kerana buat masa ini di Semenyih ini adalah tempat menyimpan pendatang asing tanpa izin (PATI). Pendatang asing tanpa izin yang ditahan di seluruh negara hantar ke Semenyih, dihantar ke pusat tahanan atau pusat peralihan sementara. Penagih-penagih dadah yang disifatkan sebagai sampah masyarakat pun dihantar ke Semenyih juga, iaitu pusat pemulihan penagih-penagih dadah. Ini KDN atau PEMADAM punya hal. Yang menagih hantar ke Semenyih, yang PATI datang ke Semenyih, yang mati pun datang ke Semenyih. Selepas ini hendak hantar apa lagi agaknya.

Adakah Hulu Semenyih, kawasan saya ini hanya layak dihantar benda-benda yang tidak sempurna ini - orang mati, orang yang sudah hendak mati, rangka-rangka reput, penagih dadah, itu sahajakah yang layak sedangkan kami sedang berusaha untuk memajukan Hulu Semenyih dan Hulu Langat ini sebagai sebuah pusat pelancongan. Jadi, kalaulah itu sahaja yang dihantar, saya memohonlah kepada Kerajaan Persekutuan janganlah dibawa tanah-tanah kubur ini. Saya membawakan pantun dari orang kampung saya, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pagi tadi seorang ketua kampung memberitahu dan saya garapkan:

Pembangunan maju yang dinanti-nanti,

Kenapa tulang reput yang diberi;

Sudilah kerajaan mendengar rintihan kami,

Projek gila ini mesti dikaji.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita bersetuju untuk membangunkan tanah perkuburan di Kuala Lumpur ini untuk apa sekalipun gunanya, kenapa tidak kita memikirkan kesannya. Tanah kubur yang saya maksudkan ini ialah tanah perkuburan Perang Dunia Kedua berhadapan dengan DBP dan juga jirat di Jalan Bellamy. Saya hendak menarik perhatian, kalaulah tanah seluas sedemikian dimajukan, bukankah Kuala Lumpur ini nanti akan dipenuhi lagi dengan bangunan-bangunan pencakar langit dan akan menyesakkan pula Kuala Lumpur? Lalu lintas akan sesak lagi kerana penduduknya. Ini yang hendak dibangunkan ialah penduduk untuk yang hidup. Di tempat saya itu dibangunkan untuk penduduk yang mati.

Apabila dibangunkan kawasan-kawasan ini, penduduknya ramai, Kuala Lumpur semakin sesak. Ini akan bertentangan dengan hasrat kita untuk mengurangkan kesesakan, kalau sekarang ini pusat pentadbiran kerajaan dipindahkan ke Putrajaya dengan tujuan yang sama, nampaknya sekarang ada satu perkembangan yang kontra, iaitu ada pihak hendak memajukan, hendak menyesakkan Kuala Lumpur lagi. Takut-takut nanti kubur di Kuala Lumpur dipindahkan, saya kluatir satu hari nanti Kuala Lumpur sudah tidak ada kubur. Apabila Kuala Lumpur tidak ada kubur, orang-orang Kuala Lumpur nanti takut pula tak ingat nak mati, tak ada kubur yang hendak mengingatkan bahawa satu hari mereka akan mati. Jadi, ini adalah satu bahaya. Kalau terpaksa jugalah demi pembangunan, saya minta sekali lagi, bukanlah Semenyih tempatnya, Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan dengan hal-hal yang mati ini juga, seperkara lagi saya ingin menarik perhatian ialah seperti yang pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tolonglah pastikan membuat satu peraturan supaya pemaju-pemaju perumahan

benar-benar bertanggungjawab untuk mewujudkan kawasan kubur di kawasan-kawasan yang mereka bangunkan, kerana sekarang ini banyak tempat, bandar-bandar baru, taman-taman perumahan yang besar tidak ada tanah kubur menyebabkan orang yang mati terpaksa dieksport ke kampung. Kalau orang itu masih ada kampung, tidak apalah. Kalau masing-masing suami isteri datang dari Kuala Lumpur atau pekan-pekan yang baru diwujudkan seperti di kawasan perumahan saya, Bandar Baru Bangi, kalau semuanya datang dari situ, hendak eksport ke mana lagi? Hendak eksport ke Sepang, Sepang tak beri, dia untuk lapangan terbang antarabangsa, nanti kapal terbang langgar kubur itu, aniaya juga.

Itulah permintaan saya supaya pemaju dipastikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini benar-benar menyediakan kawasan perumahan untuk hidup dan juga untuk mereka yang beralih ke zaman selepas hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada projek-projek penswastaaan iaitu saya minta kepada Unit Perancangan Ekonomi, JPM supaya berhati-hati dengan projek-projek penswastaaan yang dipanggil projek-projek yang dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu supaya mereka janganlah bersifat rahsia (secretive) sangat. Banyak perkara terjadi kebelakangan ini, apabila ada syarikat mengemukakan cadangan kepada EPU, EPU kaji senyap-senyap, tiba-tiba kita mendengar pengumumannya di dada akhbar-akhbar atau di media sama ada elektronik ataupun cetak. Syarikat itu, syarikat ini berjaya mendapat konsesi untuk melakukan sesuatu, umpamanya jalan, membina bangunan dan sebagainya.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai pemimpin ataupun wakil rakyat di kawasan tidak pernah diberitahu, tidak pernah dimaklumkan tentang projek-projek yang hendak dibangunkan. Apabila diumumkan di dalam media, orang yang pertama dicari oleh orang kampung bukannya syarikat berkenaan, jauh sekali pengerusinya, tetapi wakil rakyatnya. Kita pun terpinga-pinga juga hendak memberi penjelasan, hendak memberitahu detail atau penelitian atau apa juga mengenai projek itu. Kita pun tidak faham sebab kita tidak pernah diberitahu. Itulah saya meminta kepada EPU, JPM supaya sebelum projek-projek itu diumumkan ataupun sebelum konsesi diberikan kepada syarikat-syarikat, hendaklah dibawa wakil-wakil rakyat, ADUN ataupun Ahli Parlimen serta sekurang-kurangnya pegawai daerah, pegawai yang memajukan daerah dibawa berunding, diberitahu, kerana apabila kita dirujuk oleh rakyat, kita pun rujuk pula kepada pegawai daerah, pegawai daerah pun nampaknya tidak tahu juga, jadi terpaksa tunggu punya tunggu, terpaksa pula bawa perkara itu ke Dewan yang mulia ini

minta syarikat berkenaan memberikan penjelasan, memberikan taklimat kepada wakil-wakil rakyat tempatan, baru kita tahu.

Saya bangkitkan perkara ini sebab kebetulan di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, banyak projek penswastaaan yang sedang dijalankan, Lebuh Raya Cheras-Kajang lapan lorong yang dijalankan oleh syarikat Saga umpamanya, kecoh, tak ketentuan. Dahulu apabila saya bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat dari Kepong mendakwa ini sebahagian daripada usahanya, ketika beliau menjadi ADUN. Ha, angguklah, dia mengaku, tetapi semua orang tahu itu bukan, itu adalah projek Barisan Nasional.

Kemudian ada satu lagi lebuh raya yang baru ini disebut pula sebagai Lebuh Raya KASEH - bunyinya seronok 'kaseh' tetapi bunyinya ialah Kajang-Seremban Highway, jadi singkatnya KASEH. Saya tidak tahulah betapa kasihnya syarikat ini kepada rakyat kerana jarak lebuh raya ini 48.5 kilometer dari Kajang melalui Semenyih ke Seremban. Sepanjang 48.5 kilometer ini ratusan malahan ribuan rakyat yang tanahnya terpaksa diambil. Entah bilalah mereka ini dibawa berunding, tiba-tiba umum dalam surat khabar, alignmentnya ke sini, alignmentnya ke sana. Tetapi bila kita tengok alignment kalau kena kepada tanah pihak-pihak tertentu, ada pihak-pihak yang lebih tinggi daripada kita, tengok, tidak jadi pula, alihkan pula sedangkan sekarang jalan raya yang ada dari Kajang ke Seremban cuma 40 kilometer, buat highway baru lebih panjang - 48.5 kilometer, lebih panjang daripada jalan lama yang sedia ada kerana hendak mengelakkan tanah pihak-pihak tertentu, tetapi tanah rakyat jelata tak pula, ambil sahaja. Malahan apabila saya tengok alignment yang terbaru ini dia akan melalui satu kampung bernama Kampung Sungai Kembong, saya ingat rakyatnya nanti akan kembong sebab keseluruhan jalan itu akan direntas, akan musnah satu kampung dilanda oleh lebuh raya, bukannya oleh burung gagak ataupun burung enggang tetapi oleh lebuh raya. Jadi, ini juga eloklah syarikat-syarikat yang dapat konsesi seperti ini mengajak kita sama-sama berunding.

Satu lagi lebuh raya yang akan dibuat di Kajang ialah Sistem Lingkaran Kajang ataupun SILK. Ini pun bunyinya 'silk' macam sutera, sutera mahal juga tetapi tidak tahulah sutera ini siapa yang hendak pakai. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat dari Kepong sekali lagi hendak mendakwa ini projek dia. Kalau dia mendakwa, saya kata, ambillah kerana dialah yang bertanggungjawab kalau tidak memberitahu kepada orang. Macam mana Kepong, masih mahu bertanggungjawab? *[Ketawa]* Tak apalah.

Harapan saya dengan membawa perkara ini ialah syarikat-syarikat konsesi ini janganlah takut untuk menghebahkan apa yang mereka lakukan. Barangkali mereka takut kertas projek (project paper) mereka dicuri orang. Kalau takut dicuri, biarlah kerja di EPU itu selesai, dan apabila telah selesai eloklah diberitahu kepada wakil-wakil rakyat terlebih dahulu sebelum diberitahu kepada media.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada satu perkara lagi iaitu peluang pekerjaan. Peluang pekerjaan yang saya nyatakan di sini ialah untuk mereka yang boleh kita katakan yang cacat anggota atau kerdil atau yang kurang sempurna dari segi fizikal, umpamanya mereka yang kudung sebelah, pekak dan sebagainya. Nampaknya mereka ini masih tidak berapa mendapat tempat diberikan pekerjaan. Saya tertarik hati mengenai ada satu cadangan di media baru-baru ini, seorang pembaca mencadangkan supaya PLUS boleh memainkan peranan yang sangat penting mewujudkan peluang pekerjaan kerana kita difahamkan PLUS mempunyai ribuan kakitangan, bukan sahaja PLUS tetapi semua syarikat konsesi lebuhraya, mempunyai kakitangan ribuan jumlahnya di tol-tol mereka. Apakah perlunya kita meletakkan lelaki-lelaki yang kacau dan cergas di tol-tol berkenaan? Apa pula perlunya kita meletakkan gadis-gadis yang manis di situ sedangkan kerja mereka hanyalah untuk menghulurkan sehelai kertas yang dipanggil tiket transit. Saya rasa asalkan orang itu tidak buta, sudah boleh buat kerja itu. Jadi, kenapa tidak diberikan peluang ini kepada mereka dari golongan yang cacat, seperti yang saya katakan ini. Bukankah dengan ini peluang ini lebih baik? Saya difahamkan untuk mendapatkan pekerjaan dengan syarikat-syarikat ini, umpamanya PLUS, mereka memerlukan kelulusan sekurang-kurangnya SPM sedangkan kerjanya hulu kertas sekeping, tidak memerlukan kelulusan itu. Seperti yang saya katakan, asalkan dia tidak buta, asalkan dia nampak kenderaan datang, dia sudah boleh bekerja. Jadi, kenapa tidak berikan peluang ini kepada rakan-rakan dalam golongan seperti yang saya katakan ini. Jadi, mereka yang berkelulusan SPM itu bolehlah kita halakan ke ruang-ruang pekerjaan yang lain.

Dengan cara memindahkan tempat mereka bekerja ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita boleh mengurangkan kebergantungan kita terhadap pendatang luar yang bekerja, umpamanya dalam sektor-sektor tertentu sekarang ini terlalu banyak pekerja asing. Memangnya kita terpaksa bergantung kepada mereka, tetapi kalau jumlahnya terlalu banyak tentulah ini sedikit sebanyak lambat-laun akan menimbulkan masalah.

Sekarang pekerja asing banyak. Kalau kita lihat di kilang-kilang pun banyak. Tadi ada seorang rakan Ahli Yang Berhormat mengatakan tentang barang-barang keluaran tempatan atau

barang-barang keluaran Malaysia, memanglah kita bangga kalau kita lihat pada cop barangan 'Dibuat di Malaysia' ataupun 'Made in Malaysia'. Dahulu selalu kita tengok 'Made in Japan'. Tetapi kalau kita kaji balik, benarkah itu barang-barang keluaran Malaysia kalau pekerja-pekerja kilangnya adalah dari Bangladesh? Barangkali yang betulnya, yang sepatutnya barang itu adalah keluaran kilang Malaysia, bukannya rakyat Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Nampaknya tidak sempat hendak menyentuh jauh, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi izinkan saya menyentuh satu lagi perkara mengenai belanjawan ini iaitu kenaikan cukai jalan motosikal.

Walaupun saya bersetuju dengan langkah kerajaan, tetapi izinkan saya memberikan sedikit pandangan iaitu kenaikan cukai motosikal ini saya rasa agak keterlaluan sedikit kerana motosikal besar kalau kita lihat adalah lebih selamat daripada motosikal kecil ataupun 'kabcai', tetapi malangnya kerajaan kali ini nampaknya seolah-olah tidak menggalakkan penggunaan motosikal besar kerana menaikkan cukai dari 200 c.c. ke atas, dari RM130 ke RM400 setahun. Saya rasa ini sangat pelik kerana sebagai salah seorang pengguna, saya mempunyai sebuah kereta yang cukainya hanya RM100 setahun tetapi motosikal saya juga yang saya beli daripada Yang Berhormat dari Jelebu, cukainya sudah RM400. Jadi, empat kali ganda lebih tinggi daripada kereta sedangkan rodanya dua, roda kereta ada empat, dia menggunakan jalan lebih banyak, sesak di jalan raya. Jadi kalau boleh, dapat kita mengkaji, barangkali tahun ini tidak dapat, tahun depan boleh agaknya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Petaling Jaya Selatan.

5.30 ptg.

Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai perbincangan bagi satu perkara yang amat penting dan berguna.

Banyak telah diperkatakan mengenai Belanjawan 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato'

Seri Anwar bin Ibrahim selaku Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 17 Oktober lepas. Kebanyakan penganalisis menyifatkan belanjawan kali ini sebagai pahit tetapi perlu. Memanglah ia pahit, tetapi tidaklah bagi semua orang kerana kerajaan masih mengutamakan golongan berpendapatan rendah dan yang kurang berada. Ini dapat dilihat daripada peruntukan besar yang disediakan untuk membangunkan kemudahan rakyat seperti hospital, sekolah dan perumahan kos rendah.

Langkah kerajaan mengkehendaki semua hospital swasta menyediakan wad khas untuk golongan berpendapatan rendah sememangnya patut dipuji. Ini menunjukkan sikap keprihatinan kerajaan kepada rakyat yang seharusnya turut merasa arus pembangunan negara.

Selama ini banyak dari kalangan rakyat yang miskin berasa takut untuk menjejakkan kaki ke hospital swasta kerana bimbang dengan kos rawatan yang mahal. Walaupun wang ringgit boleh membezakan bentuk perkhidmatan yang diterima oleh seseorang pesakit di hospital swasta dan hospital awam, namun ini tidak harus menjadi halangan kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapat rawatan di pusat perubatan swasta terutama sewaktu kecemasan. Seperti yang sentiasa ditekankan oleh kerajaan, pengurusan hospital swasta hendaklah mempunyai tanggungjawab sosial dan tidak mengejar keuntungan semata-mata.

Kerajaan hendaklah memastikan bahawa wad khas yang sepatutnya disediakan oleh pusat perubatan swasta untuk golongan berpendapatan rendah ini tidak diadakan secara ala kadar sahaja seolah-olah melepaskan batuk di

tangga. Rawatan yang disediakan hendaklah sama seperti yang diberikan kepada golongan berada. Dalam hubungan ini saya mencadangkan agar kerajaan memberikan penghargaan atau anugerah tertentu kepada hospital-hospital swasta yang benar-benar ikhlas membantu golongan berpendapatan rendah. Pengiktirafan ini sebagai tambahan kepada gerakan elaun pelaburan sebanyak 60% yang diberikan kepada perbelanjaan bagi menubuhkan wad khas berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dengan langkah kerajaan untuk mengurangkan pembelian barang import dan menggalakkan penggunaan bahan tempatan sebanyak mungkin seperti yang diumumkan dalam belanjawan berkenaan.

Cadangan menaikkan duti import kenderaan mewah merupakan langkah tegas dan berani. Saya bersetuju dengan pandangan Menteri Kewangan bahawa ada kalangan saudagar yang kaya menganggap barangan buatan tempatan sebagai no class, dengan izin. Amatlah malang kerana masih ada sikap seperti ini, sedangkan banyak negara lain yang menganggap Malaysia sebagai negara contoh. Barangan kita telah berjaya menembusi banyak negara dan diakui sebagai bermutu. Jika orang asing boleh mengiktiraf barang kita, mengapakah pula ada di kalangan rakyat tempatan yang malu untuk mengakui hakikat ini. Sehubungan ini kita menyokong langkah anggota-anggota pentadbiran kerajaan untuk menggunakan kereta Proton Perdana sebagai kenderaan rasmi. Bagaimanapun langkah ini hendaklah dibuat secara berperingkat iaitu kereta rasmi itu hendaklah diganti apabila sampai tempoh

mereka yang berkenaan untuk menukar kereta. Jika kereta itu ditukar serentak dia akan membabitkan perbelanjaan besar sedangkan kereta rasmi yang sedia ada mungkin masih baik untuk digunakan.

Bercakap mengenai barangan tempatan ini kita haruslah menyokong langkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mengadakan kempen membeli dan menggunakan barangan Malaysia. Usaha ini sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menggalakkan rakyat menggunakan barangan tempatan sebagai satu usaha mengurangkan import. Saya berharap kempen itu tidak hanya diadakan secara bermusim tetapi hendaklah terus sepanjang tahun. Kumpulan sasar kempen itu pula tidak harus terbatas kepada sesuatu golongan sahaja seperti yang berpendapatan rendah dan pertengahan. Yang lebih penting lagi ialah mendapat sokongan kumpulan saudagar kaya dan atasan menggunakan barangan tempatan.

Sebagai warganegara Malaysia kitalah yang seharusnya menyokong industri tempatan dengan seberapa yang boleh menggunakan barangan tempatan dan berasa bangga pula dengan mutu barangan itu. Dalam hubungan ini kita harus memberi pujian kepada langkah kerajaan menyediakan dana baru yang bernilai RM1 bilion untuk menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS). Bantuan kewangan dengan kadar yang menarik ini sudah pasti akan menggalakkan pelaburan yang produktif.

Selain memenuhi permintaan tempatan, gerakan ini dapat membantu IKS menembusi pasaran eksport. Para pengusaha industri kecil dan sederhana tidak harus memandang ringan usaha kerajaan untuk menyediakan dana ini.

Mereka seharusnya meningkatkan mutu barangan yang dihasilkan dan memperbaiki operasi mereka yang sepertimana disebutkan oleh ramai masih berteknologi rendah. Para pengusaha IKS mempunyai peranan penting menjalankan kempen menggalakkan orang ramai menggunakan barangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mempunyai kesan besar kepada orang ramai ialah langkah kerajaan menaikkan bayaran pasport antarabangsa kepada RM300 dan RM600 daripada RM145 dan RM265. Pasport terhad pula dinaikkan kepada RM150 daripada RM50. Rakyat amat peka dengan langkah kerajaan mengawal aliran wang keluar melalui perjalanan keluar negara. Bagaimanapun kadar kenaikan itu amat tinggi sedangkan pasport merupakan satu keperluan bagi mereka yang hendak keluar negara. Bagi golongan kaya kadar baru ini tidaklah mempunyai kesan yang besar malahan walau setinggi mana bayaran yang dikenakan pun tidak menjejaskan mereka. Tetapi bagi mereka yang bukan dari golongan yang kaya dan berada yang terpaksa keluar negara kerana sebab-sebab tertentu kenaikan itu amat dirasai, kami harap kerajaan dapat mengkaji semula kadar ini apabila keadaan ekonomi negara...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Rompin bangun.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masa.

Saya juga berharap kerajaan dapat mengkaji semula kenaikan bayaran lesen memandu sebanyak RM50 kerana dia membebankan rakyat yang

berpendapatan rendah sepertimana yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan supaya rakyat Malaysia perlu mengurangkan perjalanan kedua negara sebaliknya melawat destinasi pelancongan dalam negeri seperti Rompin. Orang ramai seharusnya digalakkan mendapat lesen memandu.....

Seorang Ahli: Rompin apa ada?

Tuan Lim Siang Chai: Ada. Ini akan membolehkan mereka memandu untuk melancong dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk di beberapa kawasan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya kawasan saya baru-baru ini menghadapi masalah gangguan air yang berlaku secara tiba-tiba macam elektrik juga. Kesulitan ini amat dirasai memandangkan kesukaran untuk mendapat bekalan air alternatif. Sebab yang diberikan untuk menghentikan bekalan air amatlah memeranjatkan iaitu loji penapisan air dicemari dengan minyak diesel yang berpunca daripada kegiatan-kegiatan kuari. Persoalannya bagaimana perkara ini boleh berlaku, tidakkah pengawasan dijalankan di kawasan-kawasan strategik seperti itu untuk menentukan ia selamat dari perkara yang boleh membahayakan orang ramai. Ini adalah satu-satunya kawasan yang menghadapi masalah seumpamanya atau mungkin terdapat lebih banyak lagi kawasan seperti loji penapisan air yang terdedah kepada kegiatan yang boleh menimbulkan bahaya kepada orang ramai.

Saya berharap pihak berkuasa berkenaan serta agensi penguatkuasa termasuk Jabatan Alam Sekitar meningkatkan peluasan dan kawalan bagi

membendung masalah ini. Hukuman tegas haruslah diambil sebagai pengajaran kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya belajar dari pengalaman yang baru sahaja kita hadapi iaitu masalah jerebu. Tanpa pengawasan, api yang kecil boleh menjadi besar sehingga sebahagian besar rantau Asia Tenggara terancam dengan masalah jerebu. Dalam hubungan ini keputusan kerajaan untuk memberikan bayaran suguhati sebanyak RM2,000 seorang kepada lebih kurang 1,200 anggota bomba, smart dan TUDM yang terlibat dalam operasi jerebu itu di Indonesia amatlah dihargai. Merekalah wira yang mengharumkan nama Malaysia di Indonesia jika dibandingkan dengan pasukan bola sepak kita yang pulang dari Sukan SEA di Jakarta dengan penuh kehampaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Jelebu.

5.43 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 17 Oktober, 1997 yang lalu. Sebanyak RM64.124 bilion diperuntukkan pada tahun 1998. Belanjawan Mengurus telah diperuntukkan sebanyak RM46.633 bilion manakala Belanjawan Pembangunan sebanyak RM18.491 bilion.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan 98 yang dianggap suatu Belanjawan yang berhemat dan berjimat-cemat dan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana masih memberikan peruntukan yang besar kepada pembangunan rakyat di kawasan luar bandar. Peruntukan ini merangkumi peruntukan untuk program pembangunan desa yang melibatkan wang sebanyak RM2.08 bilion. Program ini meliputi pembangunan prasarana asas pada jalan luar bandar, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan program membasmi rakyat termiskin di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan jalan luar bandar, saya menyeru supaya kerajaan menyemak balik kontrak pemberian tender kepada satu syarikat sahaja. Ini kerana saya mendapat banyak rungutan dari kontraktor Lesen Kelas F. Menurut mereka pembinaan projek ini hanya dimonopoli oleh syarikat yang besar sahaja dan di kalangan yang tertentu sahaja yang dikenali oleh pegawai-pegawai daerah, penolong pegawai daerah, juruteknik dan sebagainya, sedangkan syarikat-syarikat kecil seperti mereka tidak mendapat peluang langsung.

Menyentuh mengenai bekalan elektrik di luar bandar dan bekalan air bersih, saya menyeru kepada kementerian terbabit supaya program ini dipercepatkan ke kampung-kampung yang telah lama ketinggalan dengan kemudahan asas ini. Bekalan elektrik terutamanya di luar bandar merupakan keperluan asas yang sangat penting kerana akhir-akhir ini kerajaan telah menekankan penggunaan komputer di semua peringkat. Kita tidak mahu hanya

masyarakat bandar sahaja yang boleh menggunakan komputer dan menikmati dunia teknologi maklumat sedangkan masyarakat luar bandar kebanyakan masih buta komputer.

Selaras dengan kemajuan MSC yang diperkenalkan oleh kerajaan maka keperluan elektrik ini amat penting kepada masyarakat di luar bandar. Begitu juga dengan bekalan air bersih, saya mencadangkan agar beberapa kawasan yang sering mengalami tekanan air rendah perlu diberikan keutamaan. Kawasan luar bandar yang telah lama ketinggalan dalam program ini perlu diberikan keutamaan. Apalah ertinya negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 sedangkan masih ramai lagi rakyat di luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang jauh daripada pembangunan yang masih menggunakan air perigi atau telaga atau sungai sebagai punca air untuk minum dan basuhan.

Di bawah Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM330 juta untuk meneruskan program ini. Kita percaya program ini amat baik bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Namun apa yang ingin saya sarankan biarlah Program PPRT ini dilaksanakan secara telus dan peruntukan yang disalurkan benar-benar sampai kepada kumpulan sasar, bukannya kepada golongan-golongan yang hanya mempunyai hubungan baik dengan pegawai daerah atau Jawatankuasa-jawatankuasa PPRT di peringkat daerah dan disarankan juga agar Jawatankuasa PPRT ini agar dapat menggerakkan jawatankuasa berkenaan dan bermesyuarat mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini kalau kita baca surat khabar masih banyak lagi keluarga yang dipaparkan miskin. Tempat tinggal mereka begitu daif dan memilukan, pendapatan mereka juga rendah menyebabkan anak yang kecil tidak dapat bersekolah, sebaliknya terpaksa bekerja untuk meringankan bebanan keluarga. Baru-baru ini saya terbaca satu kisah keluarga yang miskin di Mahang, Kedah, rumah mereka hanya gobok buruk dan dapur yang digunakan masih dapur tanah. Fenomena ini kita lihat sama seperti yang dilaporkan dalam akhbar tentang nasib bangsa Moro di kepulauan Mindanao. Kita simpati dan kasihan kepada nasib bangsa Moro yang menderita, tetapi bagaimana nasib sesetengah masyarakat kita di luar bandar yang masih daif dan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Program Perumahan Kos Rendah pula. Dalam Belanjawan 98 kerajaan memperuntukkan sebanyak RM194 juta untuk pembinaan rumah kos rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah. Namun dari tinjauan yang dibuat didapati bahawa pengagihan rumah kos rendah ini tidak dibuat dengan betul oleh pemaju perumahan ataupun agensi kerajaan yang terbabit. Sebagai contoh hampir 60% daripada penghuni rumah murah PKNS di Sungai Buloh adalah terdiri daripada penyewa, mungkin keadaan yang sedemikian juga berlaku di lain-lain tempat di negara kita.

Begitu juga pemilikan rumah-rumah murah difahamkan terdapat pegawai dan kakitangan di sebuah agensi kerajaan memiliki rumah sebanyak empat buah dan ada kakitangan kerajaan di peringkat rendah walaupun umur

mencapai hampir 45 tahun tetapi masih belum memiliki sebarang rumah, setiap kali memohon permohonannya ditolak. Begitu juga dengan nasib setinggan di mana rumah mereka diroboh dan dijanjikan rumah kos rendah yang baru tetapi bila sampai masanya nama mereka tercicir, hidup mereka tidak menentu, rumah tempat berteduh sudah tiada. Dari fenomena ini pihak kerajaan patut mengkaji dan menyelesaikan masalah perumahan yang begitu kompleks, masalah ini bukan sahaja membabitkan pemaju perumahan, tetapi sistem pelaksanaan yang diamalkan oleh agensi kerajaan yang terbabit perlu diperbetulkan. Jika ini terus diamalkan maka kita dapati rakyat yang memerlukan rumah tidak dapat rumah, sebaliknya orang yang telah mempunyai rumah terus mendapat rumah dan menjadikan Program Rumah Kos Rendah sebagai pendapatan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengambil langkah berjimat dan perbelanjaan berhemat, kerajaan telah mencadangkan pemotongan 2% ke atas perbelanjaan mengurus semua jabatan, ini termasuklah potongan ke atas pembelian bunga, pengindahan pejabat dan kursus atau seminar yang tidak mustahak. Sepatutnya sejak dari dahulu lagi kerajaan mengawasi perkara-perkara ini kerana ia jelas merupakan satu pembaziran. Sebagai contoh sebuah kementerian yang menganjurkan satu majlis perasmian berkaitan inflasi sifar telah membeli bunga untuk perhiasan pentas sebanyak RM20,000 hanya untuk kegunaan dalam tempoh 40 minit sahaja dan peruntukan keseluruhan untuk majlis tersebut ialah RM300,000. Inilah corak perbelanjaan sebuah kementerian yang menganjurkan orang ramai supaya jimat berbelanja untuk

mencapai inflasi sifar, tetapi pihak pengurusan kementerian tersebut berbelanja boros. Begitu juga dengan seminar-seminar yang diadakan di seluruh negara.

Berkaitan dengan pembangunan, kepenggunaan banyak didapati perbelanjaan yang dikeluarkan amat membazirkan. Setiap seminar diadakan di hotel mewah dan berpakejkan permainan golf. Kenapa pihak pengurusan tidak menggunakan sahaja dewan sekolah atau dewan orang ramai kerana Kempen Inflasi Sifar ini mendekat kepada golongan rakyat.....

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Larut bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: miskin dan pelajar sekolah.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat

Tuan Yunus bin Rahmat: Dato' hendak kacau.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: sekolah manakah yang boleh kita main golf? *[Ketawa]*

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, seminar boleh dibuat di mana-mana, tetapi main golf di padang golflah. Jadi, tidak perlu tanyalah sekolah mana Dato'.

Begitu juga dengan kuiz kepenggunaan yang menelan belanja hampir RM300,000. Saya harap pihak kerajaan mengkaji dan menyiasat perkara ini serta dapat memperbetulkannya. Mana-mana pegawai yang didapati terbabit perlu disurcaj sebagaimana yang telah diumumkan oleh Ketua Setiausaha

Negara baru-baru ini supaya ianya menjadi satu contoh yang betul dan menjadi teladan kepada orang-orang lain. Selain daripada itu kerajaan juga telah memansuhkan 20,633 jawatan pembantu tadbir dalam usaha mengurangkan kos pengurusan sesuai dengan langkah kerajaan mengecilkan saiznya. Apabila kerajaan telah memansuhkan jawatan itu, ini bererti bebanan kerja mulai bertambah dan sebagai langkah mengatasinya sepatutnya pegawai division satu yang telah dibekalkan komputer dan dihantar berkursus mengenainya telah dapat menjalankan kerja taip-menaip dan sebagainya.

Berkaitan perkeranian dan juga penyusunan fail dan sebagainya, kita yakin hasrat kerajaan yang murni ini dapat dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan berkaitan, tetapi harus diingat janganlah menjadikan soal kekurangan kakitangan di kategori berkaitan sebagai alasan segala urusan berkaitan orang ramai menjadi lambat dan lewat.

Kementerian dan jabatan wajar bertanggungjawab untuk mempertingkatkan mutu kerja mereka. Usaha kerajaan menjadikan pentadbiran kerajaan secara elektronik yakni urusan tanpa kertas perlu dimulai dari sekarang dan kerajaan-kerajaan negeri dan pusat juga wajar bergerak ke arah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menangani inflasi ke taraf sifar, maka usaha menggalakkan rakyat bercucuk tanam ataupun mengeluarkan sesuatu barangan perlu diberikan keutamaan. Hari ini negara mengimport hampir berpuluh bilion untuk membeli makanan. Ini termasuklah sayur-sayuran dan ikan. Tukaran mata wang asing menyebabkan juga

pengaliran keluar wang negara kita bertambah dan meningkat dan keadaan semakin buruk apabila negara mengalami kejatuhan nilai mata wang sebagaimana yang berlaku ketika ini. Oleh yang demikian, kerajaan perlu menggalakkan rakyat supaya bercucuk tanam ataupun mengeluarkan sesuatu barangan bagi mengurangkan import. Rakyat perlu digerakkan supaya menanam apa sahaja hasil pertanian dan semangat buku hijau yang pernah dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak perlu dipraktikkan semula. Kementerian dan Jabatan Pertanian di negeri-negeri dan juga daerah haruslah cekap dan meneruskan program dan pencapaian agar maklumat apa yang disarankan oleh pemimpin-pemimpin dan juga yang menjadi dasar dan objektif jabatan akan dapat dilaksanakan di peringkat bawah. Kerajaan-kerajaan negeri juga disarankan agar memberi keutamaan kepada belia-belia yang memohon untuk mengusahakan tanah terbiar sebagai kawasan pertanian yang baru. Begitu juga dengan bank dan institusi kewangan yang lain, mereka patut memberi kredit dan bayaran balik yang rendah kepada petani yang mengusahakan pertanian. Saya mengesyorkan supaya beberapa insentif diberikan kepada petani yang mengusahakan pertanian untuk menggalakkan mereka lebih produktif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan meningkatkan pendapatan negara, saya syorkan supaya kerajaan membuat penyemakan terperinci terhadap pendatang tanpa izin di negara kita yang berniaga. Mereka dikatakan setiap bulan menghantar berbilion ringgit wang kepada keluarga mereka di Indonesia, Filipina dan Thailand. Adakah mereka ini juga dikenakan cukai

pendapatan? Jika tidak, satu tindakan segera perlu diambil supaya mereka juga dikenakan membayar cukai pendapatan. Begitu juga dengan perniagaan mereka, adakah mereka ini mendaftar perniagaan dan syarikat mereka?

Berhubung dengan usaha kerajaan meningkatkan kegiatan industri kecil dan sederhana, saya juga ingin menyeru kerajaan dan kerajaan negeri supaya sentiasa membuat serbuan pemeriksaan ke atas kewujudan kilang-kilang haram. Ini kerana dalam satu laporan akhbar menyebut hampir semua bandar baru yang wujud di negara kita mempunyai kilang-kilang haram yang beroperasi tanpa takut-takut. Oleh yang demikian disyorkan agar kementerian yang terbabit dan agensi-agensinya membuat pemeriksaan ke atas premis-premis haram ini, kerana selagi mereka beroperasi secara haram, selagi itulah kerajaan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam belanjawan kali ini kerajaan masih memperuntukkan wang sebanyak RM38 juta untuk Program Rakan Muda. Langkah ini amat perlu ke arah kerajaan membimbing golongan belia supaya hidup lebih terarah dan berwawasan. Usaha Kementerian Belia dan Sukan mengadakan Program Rakan Muda ini perlu disokong, tetapi apa yang menjadi rungutan persatuan belia di tempat saya dan mungkin di tempat-tempat lain juga ialah setiap Program Rakan Muda yang dibuat itu tidak melalui persatuan belia tempatan. Kadang-kadang persatuan belia tidak tahu pun program seperti ini dianjurkan oleh Jabatan Belia ataupun pejabat daerah.

Saya ingin mengesyorkan supaya setiap aktiviti yang hendak dibuat perlu mengambil kira pandangan persatuan ataupun setidak-tidaknya

memaklumkan kepada persatuan-persatuan yang berkenaan. Dalam hal ini sepatutnya kementerian mementingkan peranan berpersatuan, menghidupkan persatuan-persatuan belia dan mengawalinya, barulah persatuan belia berkembang dan mencapai matlamat seperti yang dicita-citakan, sebaliknya jika tindakan kementerian atau jabatan membelakangkan persatuan dalam setiap Program Rakan Muda ini akan memberikan kesan negatif terhadap persatuan belia dan akan ada belia yang berani bercakap apa guna masuk persatuan belia, apa pun tidak dapat dan ada yang tidak masuk persatuan belia pun boleh menyertai Program Rakan Muda.

Saya berharap perkara seperti ini mendapat perhatian yang serius. Kementerian perlu memberi penumpuan untuk memperbanyakkan lagi persatuan belia yang aktif demi masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pembinaan projek-projek mewah. Saya menyokong penuh kerajaan memberhentikan beberapa projek mega yang lain. Ini kerana sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan beberapa kajian perlulah dibuat. Adakah ia menguntungkan ataupun dapat mengatasi sesuatu masalah yang dihadapi. Berhubung dengan hal ini saya ingin menyentuh mengenai Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) yang beroperasi pada bulan Ogos 1996 yang lalu di ibu kota. Perkhidmatan sistem ini nampaknya kurang mendapat sambutan dari warga kota. Masalah kesesakan jalan raya yang dikatakan berpunca dari kesesakan lalulintas masih berterusan. Ini bermakna Sistem LRT tidak dapat mengatasi masalah berterusan. Masalah trafik jam, apakah punca sebenarnya LRT tidak mendapat

sambutan warga kota dan apakah Sistem Monorel yang sedang dalam pembinaan itu mampu menarik minat pengguna dan sekali gus dapat mengatasi kesesakan jalan raya nanti, ianya perlulah dikaji dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya ingin menyentuh perkara-perkara mengenai dengan bidang kuasa jabatan-jabatan yang mana telah melibatkan kenaikan-kenaikan bayaran dan sebagainya. Saya ingin mengambil contoh bayaran lesen memandu yang telah dikenakan dan telah dicadangkan sekarang telah pun dikutip bayarannya. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini haruslah kita kaji semula kerana pemegang-pemegang lesen memandu harus membayar bayaran yang berlipat kali ganda. Contohnya bayaran lesen memandu daripada RM20-RM30, bayaran PSV, GDL daripada RM20 ke RM30 dan ditambah pula dengan bayaran untuk pemeriksaan doktor dan sebagainya. Jadi, seseorang pemandu kenderaan perkhidmatan awam (KPA) akan membelanjakan sekurang-kurangnya RM150 setahun. Perkara ini wajar kita kaji semula dan kerana ia melibatkan ramai orang dan ramai pihak yang mencari makan. Begitu juga dengan perkara yang berkaitan dengan kelayakan pemegang lesen GDL atau PSV.

Saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan atau adakah cadangan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan agar pemegang-pemegang lesen provisional (P) yang berusia 21 tahun layak untuk diberikan lesen GDL ataupun PSV. Di dalam syarat sebagaimana yang dinyatakan di dalam RTA 1987, pemegang-pemegang PSV atau GDL layak diuji ataupun mendapatkan lesen apabila berusia 21 tahun. Bagaimana kedudukan pemegang-pemegang lesen

memandu yang telah berusia 21 tahun tetapi masih menggunakan lesen 'P', apakah ada cadangan kementerian atau jabatan untuk memberikan kelonggaran agar mereka yang berkenaan diberikan PSV atau GDL supaya masalah-masalah mencari makan dan juga mencari pekerjaan dapat diatasi di kalangan mereka yang berkenaan. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak BPR kerana melalui saranan yang pernah saya buat dan mungkin ini merupakan strategi pihak BPR, maka pada 20 Oktober yang lalu BPR ibu pejabat dengan kerjasama BPR Negeri Sembilan dan juga pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah memanggil keseluruhan ketua-ketua jabatan, wakil-wakil rakyat, ahli-ahli Parlimen untuk datang dan mendengar taklimat dan berbicara mengenai masalah Akta Badan Pencegah Rasuah 1997.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada BPR kerana telah mengimplementasikan apa yang kita bincangkan, apa yang kita putuskan di dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini.

Saya ingin menyarankan agar pihak-pihak di peringkat bawahan akan dapat mengambil inisiatif yang serupa untuk mengadakan bicara mengenai program-program yang berkaitan dengan pemindaan akta-akta yang baru, yang berlaku di mana-mana kementerian agar masyarakat dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan akan dapat terus memahami akta-akta yang telah dipinda ataupun suatu akta baru yang melibatkan bidang tugas ataupun jabatan-jabatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai dengan pembangunan, pembangunan pusat latihan penerangan di Jelebu di atas tapak seluas 50 ekar. Saya merayu supaya pihak EPU akan dapat menyegerakan tindakan agar pusat latihan penerangan ini akan dapat dibina di dalam masa yang secepat mungkin. Saya difahamkan peruntukan telah pun tersedia, malah hanya kementerian menunggu kelulusan daripada pihak EPU agar program ini akan dapat dilaksanakan di dalam tempoh yang terdekat. Bagi pihak rakyat Jelebu saya mengalu-alukan program ini agar dapat dilaksanakan dengan baik dan segera supaya terdirinya projek ini akan dapat memberikan peluang dan juga punca pekerjaan kepada masyarakat yang ada di Jelebu.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira masa telah pun hampir selesai, saya mohon maaf dan saya menyokong atas saranan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Parit Buntar.

6.05 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut membincangkan Belanjawan 1998, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 17 Oktober lalu.

Sepertimana yang kita maklum pelbagai ulasan dan analisis telah dibuat oleh pelbagai pihak sejak belanjawan itu dibentangkan sama ada daripada dalam Dewan ini ataupun luar Dewan. Saya tidak bercadang untuk menambah banyak lagi jerebu dalam pemikiran rakyat dengan melibatkan diri dalam

latihan akademik yang saya rasa tidak akan membawa kita ke mana-mana. Apa yang penting dalam keadaan sekarang, saya rasa ialah memastikan bahawa segala strategi, program dan cadangan-cadangan yang digariskan dalam belanjawan itu dilaksanakan dengan berkesan supaya dia dapat mencapai sasaran yang dimaksudkan. Untuk ini sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dia memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak khususnya pihak kerajaan dan rakyat.

Sepertimana yang kita maklum dari segi kerajaan saya rasa kita tidak boleh meragukan komitmen kerajaan untuk memastikan kejayaan strategi yang telah digariskan tersebut sepertimana yang telah dijelaskan bahawa kerajaan telah pun memberi jaminan salah satu daripada masalah besar yang dihadapi sekarang iaitu defisit akaun semasa dalam imbangan bayaran mungkin dapat diatasi menjelang tahun hadapan. Yang diperlukan daripada rakyat sepertimana yang lazim dijelaskan oleh para pemimpin kerajaan ialah perlunya kita bersikap jangan panik dan berdisiplin serta memperkuatkan jati diri (resilience). Memang tepat sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya quote *“tanggungjawab memulihkan keadaan dan meletakkan ekonomi negara di atas landasan kukuh untuk mencapai satu tahap negara maju harus menjadi tanggungjawab bersama, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”*. Jelas beliau lagi *“...kita akan berjaya sekiranya bijaksana, berakhlak dan berani”* kemudian beliau terus memetik falsafah yang disebut oleh Kung Fu Tze. Saya tidak bermaksud untuk memetiknyanya semula. Itulah sepertimana saya katakan tadi sepatutnya

apa yang harus kita buat sekarang ialah membenarkan belanjawan ini membuktikan kemampuannya untuk menghadapi ataupun menyelesaikan masalah yang kita hadapi sekarang. Untuk itu tentulah kita berasa agak terperanjat ataupun kadang-kadang sedikit marah apabila baru-baru ini kita diperanjatkan oleh satu berita mengenai cadangan PLUS untuk menaikkan kadar tol. Mujurlah kerajaan telah menolak cadangan tersebut yang didapati bukan sahaja tinggi, tetapi tidak munasabah dan tidak bersesuaian dengan masa yang kita hadapi sekarang ketika sedang menghadapi krisis ekonomi.

Saya ingin menyarankan supaya kerajaan harus menolak sama sekali cadangan kenaikan ini sekurang-kurangnya untuk sementara waktu sehingga ekonomi kita benar-benar pulih dan serentak dengan itu saya juga ingin menyarankan agar kerajaan pada keseluruhannya mengkaji semula semua perjanjian konsesi yang melibatkan penswastaan, bukan sahaja mengenai lebuhraya tetapi lain-lain projek penswastaan yang telah ditandatangani dan yang akan ditandatangani. Kita harus hati-hati supaya segala term ataupun terma-terma, syarat-syarat perjanjian itu tidak kelihatan sebagai berat sebelah. Kita harus kembali kepada premis asal penswastaan iaitu perkhidmatan yang lebih baik dan tidak membebankan rakyat. Saya rasa ini penting, dari segi tol sendiri dia adalah penting untuk menjamin survival kerajaan yang ada sekarang.

Kita sebagai wakil rakyat tahu betapa gelisahanya orang ramai tentang cadangan kenaikan ini. Jadi, walaupun cadangan tahun hadapan mungkin diluluskan pada kadar yang lebih rendah, tetapi saya rasa adalah lebih bijak kalau kerajaan mengkaji semula cadangan tersebut supaya kita dapat

melahirkan satu syarat perjanjian yang lebih adil kepada semua pihak, dan kenaikan ataupun kadar yang akan dihadapi pada tahun-tahun yang akan datang tidak akan membebankan rakyat.

Kita masih lagi ingat tentang pengalaman kita dengan Indah Water dahulu dan saya rasa pada masa-masa yang akan datang lebih banyak perkara begini akan kita hadapi sepertimana yang diperkatakan oleh setengah-setengah orang. Kalau gambaran pada masa dahulu, gambaran tentang penswastaan ini begitu indah, tetapi malangnya apabila ia dipraktikkan, dia mempunyai banyak masalah dan kita sebenarnya bukan tidak menyokong Dasar Penswastaan ini, tetapi yang lebih penting ialah untuk memastikan pelaksanaannya hendaklah lebih adil dan berhati-hati walaupun dari segi dasarnya dia mungkin baik, sekurang-kurangnya dari segi mengecilkan saiz perkhidmatan awam.

Bersabit dengan keperluan yang ditekankan oleh para pemimpin kita, tentang perlunya rakyat bersikap memperkuatkan disiplin dan jangan panik. Sekali lagi, walaupun sepertimana yang saya katakan tadi, cadangan kenaikan tol itu hanyalah salah daripada berita yang agak memeranjatkan kita dan belum pun kita reda dengan berita itu, semasa kita masih lagi cuba untuk dengan izin, settle down tentang berita itu, kita sekali lagi dikejutkan oleh satu lagi berita yang dimuatkan dalam banyak akhbar tentang kenaikan barang-barang pengguna termasuklah barang-barang keperluan. Barang-barang seperti ikan, sayur - minyak masak sebenarnya telah pun naik dipasaran dan ini sebenarnya adalah bertentangan dengan hasrat yang diminta oleh pucuk pimpinan kerajaan. Alasan-alasan yang diberikan oleh para peniaga, pengilang, pengedar dan

sebagainya, memang tidak munasabah. Antara alasan-alasan yang diberikan ialah seperti jerebu dan sebagainya, langsung tidak kena-mengena dengan keadaan sekarang. Saya menganggap mereka ini atau golongan-golongan ini sengaja mengambil kesempatan daripada masalah sekarang. Jadi kita bolehlah anggap mereka sebagai 'lintah darat', dengan izin, they are blood suckes, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus mempergunakan apa sahaja kuasa yang ada padanya untuk menghukum golongan-golongan ini, kerana mengambil kesempatan dalam keadaan kita sekarang tidak boleh disifatkan sebagai perbuatan traitor ataupun pengkhianat negara. Itu yang saya rasa penting dan sekali lagi saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus menggunakan apa sahaja kuasa yang ada padanya untuk bertindak terhadap golongan-golongan ini tanpa sebarang belas kasihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh negara sekarang sepertimana yang disebut tadi, defisit dalam akaun semasa imbangan bayaran. Salah satu daripada masalah yang merisaukan kita dan sepertimana yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, strategi yang diambil ialah untuk mengurangkan import dan menambahkan eksport. Dari segi teorinya dia kelihatan begitu mudah, kurangkan import tambahkan eksport dan dari segi pengurangan import saya rasa pelbagai langkah cukai yang diperkenalkan baru-baru ini mungkin boleh membawa kesan yang dikehendaki, tetapi tentang keperluan untuk

menambahkan eksport sebenarnya dia berkait rapat dengan banyak faktor, pertama ialah kemampuan produk-produk kita untuk bersaing dengan produk-produk yang dikeluarkan oleh orang lain. Untuk meningkatkan daya saing ini, produk-produk kita harus dapat dikeluarkan dengan kos yang lebih rendah dan untuk menjamin kos yang rendah, kita harus mempunyai daya produktiviti yang tinggi dan ketrampilan yang baik ataupun efficiency yang tinggi. Memang dari segi produktiviti ini kita sudah dengar lama sejak bertahun-tahun dahulu, kita dengar kempen awam (public campaign) tentang perlunya masyarakat Malaysia ataupun pekerja-pekerja Malaysia meningkatkan produktiviti mereka. Walaupun sebenarnya dari segi dalam negara mungkin kalau dibanding dengan keadaan masa lampau, kadar kita sudah meningkat, tetapi saya rasa kalau kita banding dengan negara-negara lain, tambah-tambah lagi kalau kita banding dengan negara pengeluar yang murah seperti yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan seperti Vietnam dan China yang kos pengeluaran agak murah, tentulah saya rasa pencapaian kita masih boleh diperbaiki.

Kita tidak tahu sama ada pelbagai kempen awam yang dibuat selama ini telah menimbulkan kesan yang dikehendaki, sebab kelemahan yang saya rasa, yang mungkin tidak disedari. Kalau kita hendak mengadakan sesuatu kempen awam, saya rasa adalah lebih baik kalau kita betul-betul membuat sesuatu secara yang lebih sistematik, maknanya kalau misalnya sekarang kita mengadakan kempen untuk menggalakkan orang ramai memahami dan menggunakan IT. Apa yang saya lihat selama ini dibuat hanyalah

memperkenalkan mesej di media-media elektronik dan cetak, kemudian melalui paparan ataupun billboard dan sebagainya dan dengan harapan ia akan difahami oleh rakyat. Jadi, seolah-olah kita tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang siapakah audience kita, sama ada mesej yang hendak kita kembangkan itu diterima oleh audience. Tetapi kalau dari segi teori, kalau kita hendak membuat public campaign, kita harus mengetahui dan mempunyai data sebelum kempen itu dilaksanakan. Misalnya kalau kita mahu tingkatkan tahap kefahaman orang ramai tentang IT ataupun tentang produktiviti tadi, kita harus tahu setakat manakah misalnya tahap produktiviti sebelum kempen itu dilaksanakan. Kemudian selepas kempen itu dilaksanakan, sekali lagi kita ukur, sama ada terdapat peningkatan sebelum kempen dan selepas kempen. Jadi, inilah sebenarnya kayu ukuran yang kita kehendaki, bukan seperti keadaan sekarang, kita hanya membuat secara hentam keromo - orang Indonesia kata. Ini mungkin akan membabitkan pembaziran sumber yang memang terhad, wastage of, scarce resources, dengan izin dan pembaziran (wastage) ini juga dikenalpasti sebagai salah satu daripada sebab yang tidak secara langsung bertanggungjawab terhadap permasalahan yang kita hadapi sekarang. Alhamdulillah kerajaan telah menyedari perkara ini dan mengambil langkah untuk mengurangkan wastage ini.

Saya sebut tentang produktiviti ini kerana kita tidak mempunyai pilihan lain, kerana negara telah memilih untuk pergi dalam bidang industrialisation ataupun perindustrian ini. Kalau dahulu kita dikenali sebagai negara pengeluar

bahan utama, tetapi kini kita sudah melangkah bukan sahaja dalam bidang industri, tetapi kita sudah melibatkan diri dalam industri berat dan IT.

Saya kurang bersetuju dengan satu cadangan oleh sahabat saya daripada Balik Pulau kalau tidak salah saya untuk kita kembali kepada pertanian dan walaupun dahulu kita berjaya dalam bidang ini, tetapi saya rasa masanya sudah berlalu dan kalau kita mahu revitalize kembali bidang ini, mungkin kita tidak lagi menikmati kedudukan monopoli yang pernah kita kecapai pada satu masa dahulu. Kalau kita sebut fasal kelapa sawit atau getah sekarang orang lain boleh mengusahakan kelapa sawit atau tanaman getah secara lebih efisien atau berketrampilan daripada kita. Jadi, soal untuk kita kembali kepada menjadi pengeluar bahan-bahan utama saya rasa sudah berlalu kecuali kalau kita restructure semula sektor pertanian itu sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di London beberapa hari lalu supaya kita memanfaatkan ataupun maksimumkan penggunaan tanah itu dengan pelbagai guna. Mungkin kalau itu dilakukan dia boleh dilaksanakan. Tetapi kalau kita hendak kembali kepada sektor pertanian ataupun kita kata, kita akan modenise mini estet dan sebagainya sepertimana yang telah disebut dalam Dewan ini banyak kali oleh menteri yang berkenaan, saya kurang yakin ini dapat dilaksanakan, sebab kalau kita cakap fasal farm mechanisation, saya sudah dengar orang bercakap tentang penjenteraan ladang ataupun dengan izin farm mechanisation ini sejak saya kanak-kanak dahulu. Tetapi sepertimana yang kita maklum sampai sekarang pun dia tidak boleh dilaksanakan, sepertimana yang kita timbulkan minggu lalu dalam satu contoh yang paling

klasik ialah program Seberang Perak dan Kerian Integrated Scheme yang melibatkan kawasan saya. Jelas di sana bahawa dari segi perancangan pun mereka telah membuat silap. Kalau kita hendak cakap fasal penjenteraan ladang jentera, jalan untuk itu pun tidak dibuat, di peringkat awal, di peringkat perancangan.

Apabila kita bercakap dengan pegawai-pegawai berkenaan, mereka mengaku kesilapan dari segi perancangan. Jadi inilah salah satu daripada contoh pembaziran. Lagi satu contoh yang ingin saya sebut mengenai pembaziran ini mungkin sebelum saya terlupa ialah tentang profesion perubatan.

Sejak akhir-akhir ini kita sering mendengar tentang banyaknya doktor-doktor yang berkhidmat dengan kerajaan belum sampai habis kontrak mereka sudah meninggalkan sektor awam pergi dengan sektor swasta dan salah satu sebab yang kita kenalpasti ialah dia dapat lebih banyak pendapatan di sektor swasta kalau dibanding dengan sektor awam, sebab kalau kita buka klinik swasta, kita bukan sahaja boleh beri rundingcara kepada pesakit (patient) tetapi juga kita boleh berniaga, menjual ubat. Ini sebenarnya satu kedudukan yang agak unik di negara kita sahaja. Kalau di tempat lain bagi rundingcara ataupun consultation adalah kerja doktor, kalau hendak beri ubat, dia hanya boleh tetapkan ubat (prescribe) dan ubat itu hendaklah didapatkan daripada farmasi. Tetapi di sini doktorpun memberi nasihat, dia juga yang jual ubat. Ini satu kedudukan yang agak ganjil, jadi saya ingin sarankan sebelum saya terlupa tentang isu ini, jikalau boleh biarlah kita asingkan, sebab kita pun sudah banyak

pharmacies. Jadi, kalau doktor pun hendak jual ubat apa jadi kepada pharmacies yang sudah kita train beberapa tahun di negara kita? Mereka juga perlu cari makan.....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat parit yang buntar bayang-bayang ini. Yang buntar, yang bayang-bayang memang timbul masalah ketidakfahaman keadaan yang sebenar di negara ini. Pada prinsipnya saya setuju dengan dia bahawa doktor dan pharmacies memang kita mesti asingkan peranan masing-masing - itu memang satu prinsip. Tetapi di negara ini adakah Yang Berhormat sedar bahawa pada masa ini pengasingan tidak dapat dilakukan sehingga mungkin pada masa hadapan. Kalau Yang Berhormat sanggup berbincang dengan saya di luar, kita boleh berbincang dengan panjang lebar. Cuma beri dia tahu baik parit yang buntar bayang-bayang ini mesti kita faham keadaan yang sebenar.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang saya faham. Kalau kita hendak asingkan memanglah ini satu usaha yang payah. Saya ingat Malaysian Medical Council adalah salah satu daripada persatuan yang menentang dan Yang Berhormat dari Kepong sebagai seorang practitioner tentulah tentang, sebab ini menyekat pintu rezekinya. Jadi kita faham [*Ketawa*].

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat kurang mengerti masalah ini, bukan sahaja tidak kena-mengena dengan rezeki, kena-mengena dengan para pesakit dan adakah kita mempunyai farmasi yang cukup dan sebagainya, memang ada pelbagai faktor.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada farmasi itu tidak cukup, saya ingat itu alasan. Sejak beberapa tahun dahulu hampir kesemua universiti kita sudah ada dia punya program tentang melatih farmasi ini. Yang Berhormat kalau betul-betul ikhlas bolehlah cadangkan pada MMC supaya mengkaji perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tidak ada yang hendak cakap ya?

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Masa saya sudah cukup?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Boleh sedikit lagi Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Gulung!

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Sebelum saya akhiri, sebab saya sebut tadi, saya baru masuk bidang industrialisation. Saya juga ada sebut tentang profesion kedoktoran tadi.

Satu perkara yang harus kita fikirkan secara mendalam ialah salah satu daripada strategi yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan belanjawan itu ialah strategi yang ketiga iaitu meneruskan proses deregularisasi dan liberalisasi ekonomi. Jadi, saya ingat sepertimana yang pernah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus prihatin dalam keghairahan kita untuk liberalise ini, sebab sekarang ini orang bercakap secara mudah, liberalisasi, globalisasi dan sebagainya.

Sebenarnya dalam satu segi istilah ini boleh digunakan oleh negara-negara maju untuk meneruskan *status-quo* yang ada sekarang di mana negara-negara maju boleh menggunakan negara-negara membangun seperti Malaysia untuk meneruskan keadaan di mana mereka menjadi pengeluar, kita menjadi pengguna dan kita boleh lihat dari segi APEC misalnya, betapa bersusah payahnya negara-negara maju memberi tekanan kepada negara membangun seperti Malaysia supaya membuka pasaran mereka. Mereka suruh kita buka, tetapi pada masa yang sama mereka tutup pintu mereka. Jadi, ini adalah satu keadaan yang tidak adil, kalau kita betul-betul mahu mengadakan perdagangan secara terbuka semua orang harus buka seluas-luasnya. Kita lihat contoh misalnya dalam multilateral trade negotiation pun begitu, tekanan terhadap negara-negara membangun dikenakan begitu keras supaya kita buka pasaran. Kita tahulah sekarang ini pun satu area ataupun satu sektor yang paling mereka idam-idamkan ialah sektor perbankan. Jadi, kita harus awas walaupun tekanan yang kita terima untuk liberalisasi sektor ini begitu kuat, saya rasa kita harus

awas supaya jangan terperangkap dengan tuntutan-tuntutan ini, sebab kalau ini kita lakukan maka saya takut, saya bimbang pada satu masa nanti bank-bank di negara kita akan menghadapi nasib yang sama dengan bank-bank di Mexico misalnya, akibat dari dasar liberalisasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Satu perkara lagi sebelum saya duduk....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat masa sudah lebih tiga minit.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: sedikit sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua. Just a parting thought.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kalau tidak ada yang hendak mengambil bahagian hari ini saya boleh beri sampai habis.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tidak ada. Saya yang last.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Okay. Sila gulung.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Seorang Ahli: Sepang ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Sebab saya amat tertarik dengan apa yang berlaku pada akhir-akhir ini, pada dua tiga hari yang lalu. Kita tahu tentang istilah ‘meredum’nya pasaran New York.

Seorang Ahli: ‘Merudum’.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Merudumnya pasaran New York, Jepun dan Hong Kong.

Peristiwa dua hari yang lalu membuktikan Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang disebut, apa yang dihebah-hebahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini adalah benar dan betul belaka. Saya lihat perkara ini akan hanya boleh menimbulkan dua perkara. Pertama ialah negara-negara maju akan mengiktiraf hakikat bahawa Asia itu ialah sebagai nucleus ataupun pemangkin pada pertubuhan akan datang adalah sesuatu yang fact dan real dan mereka akan recognise dan dengan sendirinya lebih banyak dana-dana asing akan ditumpukan kepada kawasan ini ataupun reaksi yang lagi satu mereka akan bertindak secara panik dan cuba menyekat perkara ini dan memperkenalkan pelbagai langkah barrier ataupun halangan-halangan pada masa hadapan. Saya rasa inilah yang harus kita fikirkan mulai sekarang. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, Sepang tiga minit.

Seorang Ahli: Satu minit.

6.29 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang untuk turut serta mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1998 yang telah dibentangkan tempoh hari.

Selintas pandang Belanjawan 1998 yang baru lalu ini jelas menampakkan kesungguhan pihak kerajaan dalam menangani persoalan 'kegemelutan' ekonomi negara, rentetan dari suasana 'kegemelutan' ekonomi serantau hasil dari serangan anasir luar, yang memang tidak pernah senang dengan tahap kemakmuran dan kestabilan politik yang semakin kita kecapai sejak tahun-tahun mutakhir ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat,.....

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Nampaknya Yang Berhormat kena sambung minggu hadapan. *[Ketawa]* Masa untuk hari ini sudah cukup.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sambung minggu hadapan ya!

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya tangguhkan Dewan ini, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut hari Deepavali kepada Yang Berhormat yang beragama Hindu pada besok hari.

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.